

DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 21 Syaaban 1445 / 2 Mac 2024

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari keempat, hari Sabtu, 21 Syaaban 1445 bersamaan 2 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
أَلْحَمْدُ لِلَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini dan bersidang bagi hari yang keempat dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Sebelum kita beralih kepada perkara-perkara seterusnya, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II ingin membuat kenyataan dan respon bagi beberapa soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Rang Undang-Undang yang telah dibahaskan pada hari Khamis yang lepas.

Dengan itu, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (1) الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ (2) مُلْكُ يَوْمِ
 الدِّينِ (3) إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (4) إِهْدِنَا الصِّرَاطَ
 الْمُسْتَقِيمَ (5) صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ شَهْرٌ غَيْرِ
 الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

Lebih dahulu peramba/kaola/saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Abd. Aziz bin Haji Hamdan atas keprihatinan beliau dalam membangkitkan isu-isu seperti lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi. Dalam kesempatan ini, izinkanlah peramba/kaola/saya memberikan sedikit ulasan.

Projek-projek pemasangan lampu sememangnya merupakan keutamaan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam memastikan persekitaran yang selamat bagi penduduk-penduduk daerah dan mukim demi menjamin kesejahteraan semua lapisan masyarakat kampung.

Dengan itu, pihak jabatan telah pun memperuntukkan projek-projek peningkatan liputan lampu jalan di bawah RKN-12 yang memberi keutamaan bagi penaiktarafan sistem lampu awam di kawasan Lebuhraya Muara-Tutong dan sebahagian jalan utama di Daerah Temburong serta pemasangan lampu awam baharu bagi kawasan-kawasan Mukim Lumapas, Daerah Brunei dan Muara dan Mukim Labi, Daerah Belait.

Di bawah belanjawan tahunan pula, peruntukan termasuk untuk Program Penyelenggaraan yang berterusan bagi memperbaiki lampu-lampu jalan raya yang tidak lagi berfungsi. Ini akan ditangani menerusi kontrak pemeliharaan lampu awam bagi menangani aduan-aduan yang diterima dan dengan membuat pemantauan berterusan.

Di samping itu, antara inisiatif untuk mengurangkan penggunaan elektrik adalah dengan menggantikan lampu jalan yang lebih cekap dan kaedah penyalaan lampu yang berselang-seli dan tidak menjejaskan keselamatan di jalan raya.

kerja-kerja penyelenggaraan dan pengendalian projek-projek akan terus dipantau rapi dengan kerjasama rapat dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dari segi keselamatan dan keberkesanan bekalan sistem tenaga elektrik negara. Ke arah ini pelaksanaan projek-projek lampu jalan yang berkesan akan terus diberi keutamaan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seterusnya peramba / kaola /saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin atas cadangan mempercepatkan projek-projek tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) yang diselenggarakan oleh Jabatan Tenaga.

Kearah mengukuhkan lagi keterjaminan bekalan tenaga elektrik khususnya bagi memenuhi keperluan rakyat Negara Brunei Darussalam yang meningkat, pihak Jabatan Tenaga telah menyasarkan untuk membangun tenaga suria berskala besar iaitu pemasangan sebanyak 200 *megawatt* menjelang tahun 2025. Projek tenaga suria 30 *watt* di Kampung Belimbing, Subok pada masa ini sedang dimajukan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan mula beroperasi pada tahun 2025.

Manakala, projek-projek yang selainnya termasuk projek-projek tenaga suria yang dimajukan oleh pelbagai agensi termasuk syarikat-syarikat pengendali dan syarikat-syarikat perindustrian yang lain seperti *Syarikat Brunei Shell Petroleum, Syarikat Total Energies* dan sebagainya. Bagi memaksimumkan penggunaan tanah di Negara Brunei Darussalam melalui kegiatan ekonomi yang lain, beberapa tapak perairan (*floating solar*) juga dipertimbangkan untuk penempatan loji 'tenaga suria'.

Pada masa yang sama pembangunan tenaga suria yang berskala kecil dan sederhana sedang diusahakan melalui langkah-langkah untuk menggalakkan orang ramai memasang sistem 'tenaga solar' di atas bumbung secara sukarela. Bagi mempercepatkan projek-projek tenaga yang boleh diperbaharui yang sudah dirancang ini, pendekatan bersepadu *Whole of Nation* adalah diperlukan dan ke arah ini satu jawatankuasa pandu keselamatan dan kecekapan tenaga telah pun ditubuhkan dengan melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan.

Di samping itu, untuk mengukuhkan lagi perancangan ini juga boleh mendapatkan input daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pengintegrasian sumber tenaga elektrik yang alternatif ini akan mendukung lagi perkembangan ekonomi dan akan membolehkan gas asli untuk disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang lebih bernilai seperti pengeluaran gas asli cecair (*LNG*) atau aktiviti-aktiviti industri hiran minyak dan gas yang akan mengukuhkan lagi nilai pengeksportan negara.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas penerangan dan kenyataan yang diberikan sebentar tadi.

Saya kira tibalah masanya untuk kita meneliti Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 satu per satu.

Maka bagi membolehkan perkara ini kita laksanakan, saya tangguhkan dulu persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Sekarang kita akan meneliti rang ini satu per satu.

Yang Mulia Jurutulis: Bab 2 Ceraian (1) dan (2).

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita membincangkan Bab 2 Ceraian (1) dan (2). Saya persilakan jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membahaskannya.

Jika tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskan maka Bab 2 Ceraian (1) dan (2) ini saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Bab 2 Ceraian (1) dan (2), sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju maka Bab 2 Ceraian (1) dan (2) ini dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-Undang ini.

Yang Mulia Jurutulis: Bab 2 Ceraian (1) dan (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya difahamkan atas urusan-urusan rasmi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tidak akan dapat hadir buat beberapa hari di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada

minggu hadapan. Maka setelah saya mempertimbangkannya telah membenarkan bagi perbincangan dan perbahasan bagi Jabatan Perdana Menteri untuk ditangguhkan dahulu dan akan dibahaskan setelah kembalinya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kembali nanti. Sekarang kita beralih kepada tajuk seterusnya.

Yang Jurutulis: Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada tajuk Kementerian Pertahanan di bawah Tajuk SB01A-SB04A – Kementerian Pertahanan.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan merupakan kementerian yang tertutup dan oleh itu belanjawannya tidaklah perlu kita bincangkan secara terbuka.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dengan ehsannya jua akan memberikan pembentangan mukadimah terutamanya mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Dengan itu, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk memberikan keterangannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati ﷻ yang peramba/kaola/saya hormati sekalian. ﷻ peramba/kaola/saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat ﷻ وَتَعَالَى ﷻ kerana dengan izin, limpah rahmat dan hidayah-Nya, kita diberikan nikmat afiah dan rezeki berpeluang untuk sama-sama hadir dan berkumpul di Dewan yang mulia ini, di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara dalam suasana negara terus menikmati keamanan, kemakmuran, keharmonian dan kedamaian.

Dalam kesempatan ini, peramba/ kaola/ saya mewakili seluruh lapisan kepimpinan dan warga Kementerian Pertahanan menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia baginda memperkenalkan peruntukan berjumlah \$796,304,785.00 kepada Kementerian Pertahanan dan Jabatan-Jabatanarah di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Peruntukan yang telah diamanahkan ini sesungguhnya sangat dihargai dan ﷻ إِنَّ شَاءَ اللَّهُ dalam usaha gigih menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mendukung perbelanjaan berhema dan amalan berjimat cermat dan menepati tema belanjawan **'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur'** ke dalam perancangan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan ini akan terus bertumpu kepada usaha-usaha merealisasikan pengurusan pertahanan yang cekap, bermutu dan berdasarkan keutamaan Kementerian Pertahanan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

Peramba/kaola/saya berbesar hati atas peluang untuk menyampaikan mukadimah Kementerian Pertahanan tahun ini merupakan tahun bersejarah buat Negara Brunei Darussalam memperingati detik 40 tahun kemerdekaannya. ﷻ kita telah meraikan beberapa hari yang lalu Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 dengan tema "Bersatu Mencapai Cita Negara" dengan jayanya yang penuh makna dengan pelbagai citra warna.

Dalam keriangian tersebut, ia mengingatkan kita betapa pentingnya kedaulatan negara dan nilai keamanan sentiasa terjaga ke atas seluruh pelosok rakyat dan penduduk negara kerana tanpanya kita tidak akan dapat meneruskan usaha pembangunan dan perkembangan negara di samping

mengecapi kesejahteraan, kemakmuran, kedamaian dan kemajuan yang kita nikmati hari ini.

Tahun 2024 juga amat bermakna kerana ia menandakan genap 4 dekad penubuhan rasmi Kementerian Pertahanan yang menjadi salah satu mercu tanda kemajuan dalam tadbir urus kerajaan khususnya dalam hal-ehwal keamanan dan keselamatan. Kewujudan kementerian ini merupakan satu langkah pemodenan Negara Brunei Darussalam dalam memaparkan imej serta kedudukan negara yang merdeka lagi berdaulat yang mampu menggalas tanggungjawab memelihara keamanan dan keselamatan serta menegakkan pertahanan tanpa sebarang campur tangan mana-mana pihak luar.

Detik 4 dekad Kementerian Pertahanan ini juga mengingatkan bahawa organisasi pertahanan negara kini telah mencapai hayat yang cukup dewasa. Melangkaui kematangan usia ini, Kementerian Pertahanan berazam untuk mengekalkan amalan terbaik (*best practices*), memiliki sifat keterbukaan kepada perubahan yang positif (*openness to positive change*) dan menyasarkan kegiatan yang menjurus ke arah pembaikan, peningkatan dan pembaharuan dalam aspek-aspek yang dinilai penting dan menjadi keutamaan (*important and priority*).

Dengan itu, Kementerian Pertahanan akan sentiasa membuat penilaian berterusan dalam bidang ketenteraan dan pertahanan, mengambil kira

pelbagai faktor termasuklah pemilihan teknologi, penggunaan sumber tenaga manusia yang berkemahiran, kos pembiayaan serta impaknya dari segi pulangan pelaburan (*return of investment*) yang ketara akan dititikberatkan dan diberi keutamaan sewajarnya. Ini lazimnya akan dikongsikan melalui penerbitan Kertas Putih Pertahanan atau *Defence White Paper*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, peramba/kaola/saya telah mengutarakan keutamaan-keutamaan kementerian yang menjadi asas bagi peruntukan yang telah disediakan dengan mengambil kira kedudukan Kementerian Pertahanan dan keadaan persekitarannya termasuk perkembangan ekonomi negara, pergolakan geostrategik semasa, suasana dan perkembangan keselamatan serantau dan global.

Cabaran dan ancaman keselamatan masa kini yang semakin rumit dan di luar dugaan seperti kemelut geopolitik yang tidak menentu, ancaman terhadap kesihatan awam (*threat to public health*), perkembangan ekonomi pasca wabak *COVID-19*, perubahan iklim dan perkembangan teknologi yang pesat menghendaki strategi pertahanan yang telus dan kukuh yang bertujuan untuk memastikan kepentingan negara terus terjaga dan kesejahteraan rakyat sentiasa dikecapi.

Mengambil kira suasana sekeliling dan dengan kesedaran tentang sejarah negara kita yang tercinta ini, Kementerian Pertahanan akan kekal mendukung misi utamanya iaitu mempertahankan kedaulatan negara dan integriti wilayah dan menegakkan perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja. Dengan ini juga ia akan merealisasikan visi kementerian ke arah menubuhkan sebuah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berwibawa dan rakan yang dipercayai ataupun *A Formidable Armed Forces and A Reliable Partner*.

Kertas Putih Pertahanan kemas kini yang dilancarkan pada tahun 2021 dengan tema *Defending The Nation's Sovereignty: A Secure And Resilient Future* akan juga terus menjadi *blueprint* dan panduan Kementerian Pertahanan dalam usaha menggandakan kapasiti dan ketumbukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sama ada dalam bentuk aset mahupun kualiti anggota dalam semua lapisan peringkat awam dan tentera.

Ke arah ini seperti yang telah peramba/kaola/saya jelaskan pada sesi sebelumnya, strategi pertahanan Negara Brunei Darussalam kekal bertunjangan 3 teras utama yang tetap relevan dan saling melengkapi, iaitu:

1. Cegah Rintang dan Tindak Balas.; (*Deterrence and Response*)
2. Diplomasi Pertahanan.; dan,
3. Pertahanan Holistik.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pada dasarnya, cegah rintang (*deterrence*) yang utuh merupakan asas pertahanan bagi menangkis anasir-anasir yang cuba mengkompromi keselamatan negara. Justeru, usaha-usaha untuk mengukuhkan keupayaan secara berterusan melalui perolehan, pemeliharaan dan penaiktarafan aset adalah antara kunci kejayaannya.

Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei giat menjalankan usaha meningkatkan keupayaan perisikan, pengawasan, perolehan, sasaran dan peninjauan (*ISTAR - Intelligence, Surveillance, Target Acquisition and Reconnaissance*) yang mana satu sistem baharu akan diguna pakai dalam masa terdekat. Manakala sistem pesawat tanpa pemandu (*UAS Unmanned Aerial System*) telah pun beroperasi sejak dilancarkan pada Mei 2022.

Selain itu, peningkatan keupayaan pertahanan maritim juga turut diutamakan dengan perolehan baru-baru ini, 2 buah kapal peronda Tentera Laut Diraja Brunei iaitu *KDB As-Siddiq* dan *KDB Al-Faruq*. Perhatian juga ditumpukan kepada keupayaan pengawasan dan pengesanan ancaman di bawah permukaan air (*underwater*) bagi memastikan tindak balas berkesan dalam menjaga keutuhan wilayah Negara Brunei Darussalam.

Pada bulan Januari 2024 yang lalu, Kementerian Pertahanan telah melakar sejarah dengan ketibaan 2 buah pesawat pengangkut C295 Tentera Udara Diraja Brunei dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* 2 buah lagi akan diterima dalam jangka waktu terdekat bagi menggantikan pesawat pengangkut CM235 yang telah pun beroperasi hampir 3 dekad bersama Tentera Udara Diraja Brunei yang telah mencecah tempoh untuk ditamatkan perkhidmatan. Pesawat-pesawat pengangkut terbaharu ini berkeupayaan melakukan pelbagai peranan dan misi (*multirole immulation*) menurut keperluan pada satu masa.

Setentunya penggunaan aset-aset baharu ini nanti adalah di antara kaedah mempamerkan postur pertahanan negara dan dalam memperkasa usaha diplomasi pertahanan dengan rakan serantau dan antarabangsa.

Kementerian Pertahanan dari masa ke masa akan menyemak dan membuat penelitian yang mendalam untuk meneguhkan daya tahan dan keupuhan berpandukan perancangan gagasan *Force 2035* serta *Force Structure Review* disahkan dengan hala tuju yang selaras dengan konteks Persekitaran Operasi Kontemporari (*Contemporary Operation Environment*) serta sejajar dengan postal pertahanan (*defence postal*) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Usaha ini mustahak, bagi memastikan tahap Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa menepati keperluan dalam menangani cabaran dan kehendak-

kehendak semasa. Ke arah ini, satu jawatankuasa bertindak, iaitu *Defence Capability Committee* dipertanggungjawabkan untuk meneliti, merancang dan mengelola secara teliti akan kebolehsuaian prasarana demi menjamin apa jua aset yang dipertimbangkan adalah berdasarkan keperluan yang berunsur jangka panjang (*long-term*) melalui perolehan yang komprehensif, telus, teliti dan sistematik.

Dalam pada itu, isu menangani peralatan tentera yang telah lapuk dan memasuki jangka penghapusan berbanding kepentingan memastikan tahap betawatimus yang optimum di era kontemporari ini, tidak dinafikan akan sentiasa menjadi pertimbangan kritikal buat Kementerian Pertahanan.

Justeru itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mengambil langkah penggantian (*replacement*), pengiktirafan (*upgrading*) dan program memanjangkan jangka hayat (*life expansion program*) bagi sistem keupayaan dan juga infrastruktur mengikut keutamaan secara berperingkat sebelum beralih kepada perolehan yang baharu di masa akan datang.

Kementerian Pertahanan berbesar hati dengan kepimpinan berdaulat lagi bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dengan perhatian penuh yang ditumpukan oleh Kerajaan Baginda terhadap pertahanan melalui beberapa

projek pembangunan keupayaan dan infrastruktur pertahanan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN-12).

Projek-projek ini akan diungkayahkan secara berfasa selaras dengan perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi memastikan platform berkenaan terus dapat digunakan dalam jangka masa panjang. Pemeliharaan berterusan adalah keperluan yang mesti diambil kira dalam peruntukan kewangan kementerian di masa akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati.

Dalam bidang diplomasi pertahanan, Kementerian Pertahanan akan secara berterusan mendukung dasar Negara Brunei Darussalam untuk menjalin hubungan baik dengan semua negara sahabat melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala dan atas dasar saling menghormati (*mutual respect*) dan hidup bersama secara aman (*peaceful coexistence*). Dalam konteks ini diplomasi Kementerian Pertahanan akan tetap menjadi tunjang utama dan sandaran buat Kementerian Pertahanan dalam mengimbangi arus perubahan serantau dan global yang pesat.

Peranan diplomasi pertahanan juga akan diberi nilai tinggi selaku landasan yang memupuk persefahaman dalam kalangan negara dan yang mengimbang ke arah menggalakkan kemakmuran dan kestabilan rantau dan global. Ke arah merealisasikan sasaran tersebut dan sempena mengambil sukut baik

detik bersejarah Negara Brunei Darussalam menyambut empat dekad menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat, langkah mempelbagaikan dan memperkembangkan bidang kerjasama pertahanan baik dari segi kuantiti mahu pun kualiti adalah salah satu pendekatan utama.

Kementerian Pertahanan akan mempertimbangkan penglibatan dan interaksi di luar rantau yang tidak terhad kepada memberikan pendedahan dan kesedaran (*exposure and awareness*) bahkan juga memperhitungkan kepentingan Negara Brunei Darussalam secara menyeluruh. Justeru itu, selaras dengan visi kementerian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa siap sedia melaksanakan apa jua misi-misi yang diarahkan yang menyumbang kepada keselamatan dan kepentingan bersama, sama ada di peringkat serantau mahu pun antarabangsa.

بِاللَّهِ، kita berbangga dengan penglibatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang setakat ini telah mengharumkan dan membawa nama negara ke mata dunia melalui penyertaan-penyertaan di misi-misi pengamanan dan visi bantuan kemanusiaan dan bencana khasnya Misi Pengamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon, *United Nation Interim Force in Lebanon (UNIFEL)* di bawah kelolaan *Malaysian Battalion (Malbatt)* sejak tahun 2008 dan terus giat juga menyertai *Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB*

VMAT) di Republik Filipina sebagai kesinambungan kepada keterlibatan dalam Pasukan Pemantau Antarabangsa (*International Monitoring Team*) dari tahun 2004 hingga 2022 yang telah berjaya mewujudkan keamanan di kepulauan Mindanao, Republik Filipina.

Selain itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga menempatkan para pegawai di pusat-pusat gerakan yang berpangkalan di Republik Singapura seperti *Information Fusion Centre (IFC)*, *Counter-Terrorism Information Facility (CTIF)*, dan *Changi Regional HADR Coordination Centre (RHCC)* dalam usaha untuk sama-sama menyumbang kepada keselamatan serantau dan antarabangsa. Kesemua ini melambangkan komitmen jitu negara terhadap aspirasi keamanan dan kemakmuran sejagat yang secara tidak langsung mempamerkan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai sebuah angkatan tentera yang profesional, cekap dan menegaskan imej pertahanan yang berwibawa dan *credible*.

Penempatan-penempatan ini tidak syak memerlukan pembiayaan agak tinggi dengan pulangan *intangible* secara *collective* adalah jauh lebih bernilai terutamanya buat Negara Brunei Darussalam yang kita cintai. Salah satu penanda aras ketara akan keberkesanan diplomasi pertahanan ialah adanya *reciprocal gesture* yang positif dari negara-negara sahabat khususnya melalui penyertaan dalam kursus-kursus dan latihan yang ditawarkan di pelbagai peringkat di beberapa tahun kebelakangan, baik yang diungkayahkan

oleh Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan sekolah Latihan Angkatan Tentera serta Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanali Bolkiah, Kementerian Pertahanan.

Langkah ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, akan diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa dan dihasrat akan mencapai menjadi pemangkin kepada langkah-langkah diplomasi pertahanan yang lebih ampuh dan berkesan. Dalam masa yang sama, usaha ini juga diharap akan menjadi pendorong bagi kementerian untuk terus memastikan tahap infrastruktur latihan berkualiti yang akan memacu suasana serta persekitaran pembelajaran, latihan dan kursus yang lebih kondusif. Perlu juga diketengahkan, sokongan negara-negara sahabat di rantau *ASEAN* khususnya dan juga antarabangsa di hari-hari Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah sangat memberangsangkan dan mencerminkan hubungan erat antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan negara-negara yang menjalin hubungan kerjasama pertahanan melalui permeteraian Memorandum Persefahaman (*MoU*) di bidang pertahanan dan ketenteraan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati. Kepentingan isu pertahanan sebagai salah satu tonggak keselamatan negara sememangnya tidak dapat dinafikan dan diragukan lagi. Usaha memperkukuh dan memantapkan organisasi adalah penting

dan *crucial* di mana beberapa inisiatif dalaman telah dijalankan termasuk memberigakan kesedaran *security* selaku asas atau akar umbi institusi pertahanan dan memupuk budaya *security awareness culture* di semua lapisan warga Kementerian Pertahanan, awam dan tentera.

Beberapa projek penaiktarafan *security* di seluruh kementerian dan perkemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei giat dijalankan pada tahun ini termasuk implementasi Kad Pintar (*ID Frequency Identification RFID Smart Card*) bagi menggantikan kad kakitangan, anggota awam yang sedia ada serta pemasangan sistem kawal litar tutup terbaharu (*Close Circuit Television Camera (CCTV)*) dan pengawasan akses (*access control*) ke arah mengukuhkan keselamatan perimeter prasarana di bawah bidang kuasa kementerian, sekuriti maklumat dan aset.

Saya juga diingatkan meskipun teknologi moden, penggerak jentera mana-mana organisasi tetap memerlukan tenaga manusia yang cekap dan bermutu tinggi dalam sama-sama merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pertahanan mengambil berat dan menekankan kepentingan kesejahteraan warga yang berkhidmat di dalamnya sama ada dalam bentuk memenuhi keperluan yang dinilai biasa (*basic*) seperti perumahan, mahu pun kepuasan dalam pekerjaan (*work satisfaction*) dan perkembangan kerjaya melalui kursus, latihan dan pendedahan kerjaya yang progresif dan juga rancangan

penggantian (*succession planning*) yang lebih terarah dan berkesan berdasarkan kepada *merit*.

Langkah-langkah ini bertujuan memastikan keperluan tenaga kerja dan kelicinan tadbir urus bagi perkhidmatan awam mahu pun tentera tidak terjejas dalam semua peringkat kepimpinan dan peringkat bawahan yang dipimpin. Secara tidak langsung, ini menjamin tersedianya generasi pelapis Kementerian Pertahanan yang akan memperkasakan lagi kementerian ini bukan sahaja setakat berpengetahuan, *manageable*, berkelayakan, *qualified*, bersesuaian, *compatible* malah berkompentensi (*competent*) bagi jawatan yang diamanahkan nanti. Selain itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga terus memastikan keupayaan dan kapasiti yang sedia ada mampu menampung keperluan untuk melatih jumlah anggota memasuki perkhidmatan tentera ke arah menjamin mutu anggota yang mantap dan selaras dengan perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta bagi menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran.

Di samping itu juga, perancangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei melalui Akademi Pertahanan telah menubuhkan *Faculty of Military Studies* dengan kolaborasi bersama Universiti Brunei Darussalam yang akan menerapkan konsep pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*) dalam pendidikan profesional ketenteraan (*professional military education*).

Langkah ini secara tidak langsung mendukung aspirasi kebangsaan untuk menjana rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya selain memperkasa usaha diplomasi pertahanan melalui penyertaan pegawai-pegawai tentera dari negara-negara sahabat. Selaras dengan konsep pertahanan holistik, kementerian ini terus mempraktikkan pendekatan satu kementerian (*whole of ministry*) melalui sinergi tentera dan awam dengan sentiasa mengemaskini dasar dan proses ke arah melicinkan pelaksanaan tugas dan inisiatif di dalam dan luar kementerian.

Langkah ini memupuk semangat perpaduan kalangan warga awam dan tentera, menanam amalan sifat 'tidak camah mata' dalam memantapkan pengurusan pertahanan secara amnya. Sinergi ini juga membolehkan kementerian untuk sentiasa siap siaga untuk berganding bahu dan agensi-agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan ke arah mendukung pendekatan senegara *whole of nation* bagi mencapai gagasan negara iaitu Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba, kaola, saya hormati. Sekian saja mukadimah daripada Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. **إِنَّ شَاءَ اللَّهُ** berpegang teguh kepada nilai-nilai teras dan penghayatan kukuh kepada falsafah Melayu Islam Beraja, berbekalkan dengan iman serta penuh tawakal, kementerian ini akan menanai amanah pada menjaga kedaulatan raja, agama dan negara

dengan penuh iltizam dan dedikasi serta niat murni untuk menerajui pertahanan berkesan bersama menuju kejayaan Wawasan Brunei 2035. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Peramba, kaola sudahi dengan **وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II yang telah memberikan penerangan dan hala tuju dalam penyediaan Bajet Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira mukadimah yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II cukup jelas dan tidak perlu lagi untuk kita bahaskan.

Maka Tajuk ini sekarang saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, semua Ahli bersetuju. Maka Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A, Kementerian Pertahanan ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A dijadikan sebahagian daripada Jadual bagi Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sepertimana yang berkaitan dengan perbincangan dan perbahasan bagi Jabatan Perdana

Menteri, saya telah pun difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II tidak akan dapat hadir dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagi beberapa hari atas urusan rasmi.

Oleh yang demikian, bagi memastikan perjalanan mesyuarat kita ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar, maka saya akan menanggungkan dahulu perbahasan bagi tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Sekarang kita beralih kepada tajuk-tajuk di bawah kementerian yang seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang membincangkan Jadual bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebelum saya membukakan tajuk ini untuk dibahaskan dan dibincangkan, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat kenyataannya tentang penyediaan Belanjawan serta hala tuju Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاجْلُلْ عُقْدَةً
مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati الله, yang peramba/kaola/saya hormati. Lebih dahulu kaola sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah tentang fokus Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025 termasuk pencapaian-pencapaian yang telah dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2023/2024.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penyediaan Anggaran Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025 adalah dirangka dengan memberikan penekanan dan fokus bagi mendukung Tema Belanjawan Negara iaitu **"Bersatu Membina Masa Depan yang Lebih Makmur"**.

Selaras dengan visi dalam pelan strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu: **"Besama Mengekalkan Brunei Darussalam yang Aman, Makmur dan Dinamik"**, abiskaola memfokuskan langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif yang menjurus kepada 3 aspirasi utama iaitu:

1. Keselamatan dan kesejahteraan;
2. Transformasi pembangunan bandar dan daerah dan memperkasakan pembangunan komuniti.; dan
3. Tadbir urus yang baik dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

Ke arah itu, untuk mencapai aspirasi-aspirasi yang kaola nyatakan tadi, kerjasama dan penglibatan dari semua peringkat termasuk pemimpin akar umbi, agensi-agensi kerajaan yang lain, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan (*NGOs*), syarikat berkaitan dengan kerajaan (*GLC*) serta semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini melalui pendekatan senegara (*Whole of Nation Approach*).

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk mencapai aspirasi keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat sebagai salah sebuah agensi barisan hadapan yang bertanggungjawab dalam menangani insiden kecemasan, kebakaran dan ke arah sentiasa siap saga tanpa mengira waktu demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Ke arah memperkasakan lagi perkhidmatan pembelian *Light Fire Attack Vehicle*, di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 adalah untuk mengurangkan masa tindak balas dalam menangani sebarang kejadian kecemasan terutama sekali di kawasan-

kawasan yang sukar untuk diakses oleh kenderaan bomba yang sedia ada.

Isu kebakaran hutan dan belukar yang menjadi perhatian lebih-lebih lagi dengan keadaan cuaca panas dan kering mulai bulan Februari lepas dan dijangka berterusan hingga Mac ini. Ke arah itu, sebagai langkah pencegahan, beberapa perancangan dan kajian telah dan sedang dibuat bagi kesesuaian mewujudkan *buffer zone* di lokasi-lokasi tertentu yang dikenal pasti sebagai tempat yang sering terjejas dengan kebakaran hutan dan belukar dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, institusi-institusi pengajian tinggi dan pihak *Brunei Shell Petroleum*, *Buffer zone* atau yang dikenali sebagai *fire breaker* ini berfungsi sebagai penghalang untuk memperlambatkan atau menghentikan kebakaran hutan dan belukar dari terus merebak yang boleh mengancam kawasan awam seperti perumahan, persekolahan dan bangunan-bangunan.

Dalam pada itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya telah dan sedang giat melaksanakan pembaikan dan penggantian sebanyak 700-unit pili bomba bagi tempoh 2 tahun. Setakat ini sebanyak 120 pili bomba telah selesai dilaksanakan penggantian dan pembaikan. Projek ini juga adalah termasuk *GPS Tagging* bagi memudahkan pengesanan melalui projek yang akan dilaksanakan nanti dibawah Rancangan Kemajuan Negara iaitu *One MOHA System*.

Untuk memastikan pematuhan Akta dan Peraturan Imigresen dan Perburuhan di negara ini, beberapa operasi-operasi penguatkuasaan sama ada secara persendirian dan bersepadu telah dilaksanakan, dan pada tahun 2023, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah melaksanakan sebanyak 1,166 pemerhatian, 338 operasi dan pemeriksaan.

Seramai 41 orang telah dihadapkan ke mahkamah dan 2,285 orang telah didenda kompaun kerana melakukan pelbagai kesalahan imigresen seperti kesalahan di bawah Bab 15(1) Tinggal Lebih Masa, menyimpan pasport sehingga menyebabkan pas imigresen mansuh.

Manakala Jabatan Buruh telah melaksanakan sebanyak 748 pemerhatian dan 308 operasi telah dijalankan dan kesalahan tertinggi yang dilakukan oleh majikan adalah di bawah Bab 10 iaitu majikan tidak menyediakan kontrak perkhidmatan kerja dan Bab 112 (2) Melanggar Syarat-Syarat Lesen Pekerja Asing iaitu kesalahan penempatan kerja dan bekerja tidak mengikut jawatan yang diluluskan.

Di bawah Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Buruh ASEAN (SLOM), Jabatan Buruh sedang menyediakan Garispanduan ASEAN bagi melaksanakan dua deklarasi ASEAN yang telah diluluskan oleh Ketua-Ketua ASEAN, iaitu *ASEAN Declaration on Portability of Social Security Benefits for Migrant Workers in ASEAN* bertujuan membentuk dasar migrasi yang sesuai, termasuk perlindungan sosial bagi

pekerja asing, dan *ASEAN Declaration on the Placement and Protection of Migrant Fishers* bertujuan meningkatkan kondisi kerja dan melindungi hak-hak nelayan *migrant*, termasuk upaya pencegahan terhadap keganasan dan eksploitasi. Inisiatif ini akan memberikan manfaat kepada Negara Brunei Darussalam dengan pendekatan yang berstruktur untuk mengatasi cabaran serantau berkaitan dengan pekerja *migrant* and nelayan *migrant*, serta meningkatkan kesejahteraan serta perlindungan mereka.

Kaola menerangkan iaitu berkaitan dengan *cadangan long term pass* dan pelaksanaan dasar had umur yang pernah disuarakan di Dewan yang mulia ini, iaitu khususnya bagi dua kategori iaitu Jawatan Yang Memerlukan Kelulusan Yang Bertauliah Tinggi atau khusus termasuk jawatan-jawatan di dalam kategori pemilik syarikat dan jawatan teknikal (*Specialist* dan *Professional*), Jabatan Buruh masih sahaja boleh memberikan kebenaran bagi penyambungan Lesen Pekerja Asing walaupun mereka yang bekejaan sudah mencapai had umur yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, kebenaran ini diberikan dengan berasaskan kepada penilaian yang dibuat oleh agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan dengan memenuhi kriteria-kriteria antaranya seperti menfail cukai korporat (*corporate tax*), peluang-peluang pekerjaan yang diberikan kepada anak-anak tempatan, perniagaan yang memberikan *value-add* kepada perkembangan ekonomi dan

menjana ekosistem yang pro-perniagaan dalam memajukan lagi ekonomi negara.

Ini adalah selaras jua dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1445/2024, iaitu baginda menyarankan untuk membuat inisiatif-inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan dalam menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuk di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan dan golongan-golongan yang tertentu yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berdasarkan pada *Guide Passport Ranking Index*, pasport Negara Brunei Darussalam adalah berada di tangga ke 20 di mana 168 buah negara telah mengecualikan untuk mendapatkan visa masuk ke negara masing-masing. Dalam mendukung inisiatif kerajaan menggalakkan pelancong untuk datang ke negara ini, setakat bulan Disember 2023 Negara Brunei Darussalam telah mengecualikan visa mengikut tempoh yang tertentu di antara 14 hingga 90 hari kepada 65 negara, manakala sebanyak 7 buah negara telah diberikan kebenaran bagi *visa on arrival*.

ﷻ, pada tahun 2023 seramai 2,089 orang telah diperkenankan untuk

menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana juga yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kerakyatan Brunei (Penggali 15). Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan kali ke-37 hingga ke-39 yang masing-masing telah diadakan pada bulan Mei, Julai dan November 2023.

Salah satu peranan Jabatan Buruh adalah untuk menjaga dan menjamin kesejahteraan pekerja-pekerja sama ada dalam kalangan warga tempatan dan warga asing yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat swasta di negara ini. Ke arah ini, penguatkuasaan Perintah Pekerjaan (Upah Minimum), 2023 di bawah Perintah Perkerjaan 2009 telah mula dilaksanakan pada 12 Julai 2023 yang bertujuan untuk menetapkan kadar upah minimum yang berpatutan bagi memenuhi keperluan sara hidup pekerja, melindungi pekerja daripada gaji yang terlalu rendah, mendorong motivasi dan produktiviti tempatan dan untuk merangsang pertumbuhan sosioekonomi.

Pelaksanaan dan dasar upah minimum ini akan dilaksanakan secara berfasa di mana fasa pertama melibat dua sektor iaitu Sektor Perbangkan dan Kewangan dan Sektor Teknologi dan Infokomunikasi dengan kadar upah minimum \$500 sebulan sebelum sebarang pemotongan seperti caruman dalam Skim Persaraan Kebangsaan.

Berkenaan dengan undang-undang di bawah Perintah Pekerjaan 2009,

mengenai tanggungjawab menyediakan perumahan pekerja sebagaimana yang termaktub di bawah Bab 80 iaitu kewajipan majikan untuk menyediakan tempat tinggal dan penyusunan kebersihan yang memuaskan dari segi keselamatan, kebersihan dan keselesaan.

Ini termasuk di bawah Bab 81 iaitu bangunan hendaklah mematuhi kehendak undang-undang bermaksud semua tempat tinggal yang disediakan hendaklah dibina dan diselenggarakan serta sentiasa berkeadaan bersih menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain yang dikawal oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan di bawah Bab 86 iaitu kebenaran tempat pekerjaan dan larangan menggaji pekerja buruh jika penyusunan tidak mencukupi. Dalam hal ini, Jabatan Buruh melalui Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang akan dari masa ke masa membuat pemeriksaan ke atas tempat tinggal pekerja seperti yang disahkan di dalam borang pengesahan alamat perumahan pekerja yang dihadapkan kepada Jabatan Buruh.

Pada tahun 2023, sebanyak 716 tempat tinggal pekerja telah diperiksa dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 681 tempat tinggal pekerja didapati mematuhi peraturan dan 35 tidak mematuhi peraturan di bawah Bab 80, Perintah Pekerjaan, 2009.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bermula 1 Februari 2024 semua permohonan untuk mendatangkan warganegara Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam bagi tujuan pekerjaan hendaklah berurusan melalui *Bangladesh Overseas Employment Services and Limited (BOESL)*.

Pembaharuan proses ini dibuat adalah berikutan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh yang telah ditandatangani pada 16 Oktober 2022. Pelaksanaan proses baharu ini adalah untuk memastikan proses pengambilan pekerja Republik Rakyat Bangladesh adalah telus dan teratur terutama bagi mencegah kes penipuan dan isu pemerdagangan manusia. Di samping itu, proses ini akan dapat menambah baik lagi kualiti pemberian perkhidmatan kepada orang ramai

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
satu lagi Memorandum Persefahaman telah dimetrai di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste pada 6 November 2023 iaitu bagi proses pengambilan pekerja dari negara berkenaan ke Negara Brunei Darussalam.

Dalam usaha menjaga kemaslahatan Rakyat dan Penduduk yang tinggal di pedalaman dan sering terjejas dengan banjir, kementerian melalui Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya

telah dan sedang giat melaksanakan projek menaik taraf paras jalan raya di 21 lokasi di tiga buah daerah iaitu Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong yang mana setakat ini, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kerja-kerja menaik taraf paras jalan raya bagi Daerah Temburong telah selesai dilaksanakan, manakala kesiapan bagi Daerah Belait adalah mencapai lebih 70% dan Daerah Tutong melebihi 60%.

Untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi koordinasi dalam menangani insiden-insiden kecemasan dan pengurusan bencana termasuk di kawasan sempadan Negara Brunei Darussalam dan negara jiran, Malaysia, di sini kaola sukacita mengongsikan perkembangan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia pada tahun 2021, iaitu pada bulan Januari 2024, Latihan Sepadu *Table Top Exercise* yang pertama telah berjaya dikendalikan yang melibatkan seramai 166 orang pegawai dan anggota dari kedua buah negara dan Negara Brunei Darussalam diwakili oleh pegawai dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Penerbangan Awam dan Kementerian Kesihatan. Manakala dari Negara Malaysia diwakili oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dalam pada itu juga, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, selain memastikan kesiapsiagaan dari segi aset dan infrastruktur, juga giat melaksanakan program-program kesedaran awam dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman, penglibatan, dan kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi bencana.

Sebanyak 11 Program-Program Kesedaran Awam dengan 417 kekerapan dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dengan jumlah penyertaan keseluruhan seramai 27,055 orang yang telah dilaksanakan dan dikoordinasi seperti Program *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)*, *School Based Disaster Risk Management (SBDRM)*, *Disaster Preparedness Coordinator (DPC)*, *Public Safety Health and Security (PSHS)*, *Community First Aider*, Kursus *Lifesaver 995*, Kursus *Fire Marshall*, Taklimat Keselamatan Kebakaran, Program Lawatan ke Balai-Balai Bomba, *Fire Drills*, dan *Communities Outreach*. Program ini dibuat secara berterusan sama ada di peringkat kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, malah juga di peringkat sekolah-sekolah, syarikat dan orang awam.

Community First Aiders iaitu kerjasama di antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dan jabatan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah untuk memperkasa dan mempersiapkan lagi rakyat dan penduduk di negara ini untuk membantu

keluarga, dan masyarakat dalam kecemasan sama ada semasa berada di rumah, tempat kerja, sekolah dan di tempat awam atau mana mana sahaja, menerusi latihan komprehensif pertolongan cemas yang diberikan.

Setakat ini seramai 51 orang peserta yang terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan, penduduk mukim dan kampung serta belia, telah selesai mengikuti Kursus 14 Asas Pertolongan Cemas dalam Komuniti pada Disember 2023. Kursus lanjutan seterusnya iaitu Kursus Pensijilan Jurulatih (*Training of Trainers (TOT)* *إِنْ شَاءَ اللهُ*) akan diadakan pada tahun ini.

Sementara itu, Jabatan Penjara dalam usaha berterusan untuk memperkasa program *incare* Jabatan Penjara seperti aktiviti-aktiviti sukan, berkawad, berkebun dan latihan vokasional kepada banduan-banduan, projek pembinaan blok baharu Penjara Maraburong Fasa Empat telah mula dilaksanakan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara. Dengan terbinanya blok baharu ini, nanti sudah setentunya akan memberikan ruang dalam melaksanakan program vokasional yang akan diperkenalkan seperti bakeri dan sebagainya.

Dalam masa yang sama Projek Pembinaan Blok Penjara Maraburong Fasa Lima yang akan menempatkan banduan wanita bagi membolehkan pemusatan pengawalan, pentadbiran dan peroperasian Jabatan Penjara di bawah satu kawasan, berbanding pada masa ini yang mana penempatan

banduan wanita masih ditempatkan di Penjara Jerudong.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jabatan Penjara juga akan menyediakan klinik gigi bagi peruntukan dalam Tahun Kewangan 2024/2025 untuk banduan-banduan di Penjara Maraburong melalui khidmat bantu daripada Kementerian Kesihatan. Ia bertujuan untuk mengurangkan pergerakan keluar masuk banduan dari institusi penjara.

Jabatan Penjara juga secara berterusan memperkasakan Program *Incare* dan *Aftercare* dengan menerokai beberapa program usaha sama dengan agensi kerajaan antaranya seperti Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pengajian Islam, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pusat Belia, Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Jabatan Hal Ehwal Masjid, Agensi Bukan Kerajaan (*NGOs*) seperti *Livewire*, Bank Islam Brunei Darussalam, Nadi Quranic dan Persatuan Kaunseling Brunei dan syarikat yang berkenaan dengan Kerajaan (*GLC's*) yang telah dikenal pasti bagi memberikan peluang peningkatan kemahiran teknikal dan perniagaan kepada banduan-banduan sebagai persediaan apabila mereka bebas atau selesai menjalani hukuman penjara nanti, di samping meneroka dan menarik minat syarikat-syarikat swasta untuk memberikan peluang kepada bekas banduan supaya diberikan pekerjaan.

Pada tahun 2023, seramai 64 orang bekas banduan telah mendaftarkan diri

untuk menjadi Rakan Seliaan. Jabatan Penjara juga telah dan sedang giat menjalankan Program *Grassroot Leaders and Community Engagement* agar pemimpin akar umbi dan masyarakat turut sama berganding bahu dalam menangani isu kemasukan berulang para banduan. Di samping itu, Program Satu Kampung Satu Keluarga (1K1K) di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang diterajui bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah juga diharapkan untuk mengurangkan stigma sosial seperti bimbingan dan kaunseling. Melalui program seperti ini juga diharap akan membolehkan keluarga banduan dan bekas banduan itu sendiri mengubah gaya hidup mereka ke arah yang lebih baik.

Di arena antarabangsa, Jabatan Buruh telah mendepositkan instrumen pengesahan Konvensyen Buruh Paksa C029 (*Forced Labor Convention C029*) pada 12 Jun 2023, semasa *Convocation of the 111th Session of the International Labor Conference* dan Persidangan Sesi Plenari Peringkat Tertinggi iaitu Persidangan *World of Work Summit: Social Justice for All* yang telah diadakan di ibu pejabat *International Labor Organization* di Geneva, Switzerland.

Melalui pengesahan ini, kerajaan telah membuat komitmen rasmi dalam melindungi hak pekerja di Negara Brunei Darussalam dan mendukung piawai tertinggi buruh dalam membanteras buruh paksa dan pemerdagangan manusia (*human trafficking*) melalui penggubalan undang-undang yang

berkenaan serta meneruskan kerjasama dengan negara lain.

Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*NDMC*) dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan tindak balas bencana, telah terlibat dalam kursus *ASEAN Standards and Certification for Experts in Disaster Management (ASCEND)* dan *ASEAN-Emergency Response and Assessment Team (ASEAN-ERAT)*. إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam akan mempengerusikan *ASEAN Ministerial Meeting on Disaster Management (AMMDM)* dan *ASEAN Committee on Disaster Management (ACDM)* dengan tema "*Building a Resilient ASEAN through Inclusive and Sustainable Disaster Recovery*".

Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui Memorandum Persefahaman dengan *Singapore Civil Defence Force (SCDF)* yang telah dimeterai pada bulan September 2022 juga telah menghantar beberapa orang pegawai dan anggota bomba, dalam usaha untuk memberikan kepakaran, pengetahuan termasuk mempelajari amalan terbaik dalam membangunkan keupayaan mencari dan menyelamatkan di kawasan bandar dan pengurusan bencana.

بِالْحَمْدِ لِلَّهِ sehingga bulan Februari 2024, seramai 120 orang anggota telah mendapat kemahiran dan pengalaman dalam pelbagai bidang operasi dalam mengawal, mencegah dan memadam kebakaran di samping mengukuhkan keupayaan dan kebolehan anggota

bomba dan penyelamat menggunakan teknologi semasa menjalankan tugas.

Jabatan Penjara sementara itu juga telah mengorak langkah mengukuhkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia melalui perjanjian mengenai Pemindahan Banduan Antarabangsa iaitu *International Transfer of Prisoners (ITOP)* di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia yang telah ditandatangani pada 3 Ogos 2023 yang mempunyai beberapa tujuan yang antaranya untuk memudahkan pemindahan banduan di antara kedua-dua buah negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola seterusnya mengongsikan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian melalui Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran berkenaan dengan isu anjing liar dan terbiar. Dalam usaha untuk menangani perkara ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menubuhkan Pasukan Pertindak untuk menangkap dan memindah anjing-anjing yang berkenaan yang terbiar yang membahayakan dan mengganggu di tempat-tempat yang ramai pengunjung ke tempat perlindungan anjing terbiar iaitu *National Animal Shelter for Strays (NASS)* yang dikendalikan sendiri oleh Kementerian.

Dikongsikan juga bahawa dari aspek-aspek kesihatan dan penjagaan ke atas anjing-anjing ini adalah terjaga dan terjamin. Setakat ini, 54 buah sangkar penangkapan anjing telah disediakan dan sebanyak 31 ekor anjing telah dipindahkan ke tempat perlindungan berkenaan.

Dari aspek transformasi pembangunan bandar dan daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya giat melaksanakan inisiatif-inisiatif antaranya seperti penyelenggaraan, pembinaan semula infrastruktur asas termasuk jambatan-jambatan dan titian konkrit di kawasan Kampung Ayer yang dilaksanakan secara berterusan bagi memberikan kemudahan kepada penduduk di kawasan berkenaan serta penaiktarafan dan penyelenggaraan dewan-dewan kemasyarakatan dan balai-balai di daerah-daerah bagi memberikan keselesaan kepada pengguna, peniaga-peniaga dan pengunjung.

Pada Tahun Kewangan 2023/2024, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah melaksanakan pembaikan ke atas 6 buah dewan di Daerah Brunei Muara, 6 buah dewan di Tutong, manakala Jabatan Daerah Belait dan Jabatan Daerah Temburong juga telah melaksanakan pembaikan balai-balai raya dan dewan-dewan kemasyarakatan.

Berkenaan dengan jambatan-jambatan di Kampung Ayer, sebanyak 210 kawasan dengan keseluruhan kira-kira 1.38km juga telah dibaiki secara *in-house* oleh

Jabatan Daerah Brunei dan Muara di sepanjang tahun 2023. Manakala pembaikan jambatan secara berkontrak juga telah dilaksanakan bagi sepanjang 159 meter di Kampung Serdang dan sepanjang 198 meter berdekatan Sekolah Rendah Haji Tarif, Kampung Tamoi Tengah menuju darat dengan perbelanjaan sebanyak \$90,725.00.

Sementara itu, kerja-kerja membina baharu jambatan sepanjang 105 meter sedang dalam pelaksanaan dari jeti Sekolah Rendah Pengiran Bendahara Lama menuju Jeti No.10 Mukim Tamoi dengan perbelanjaan sebanyak \$65,572.00.

Di samping itu, kerja-kerja membaiki tiang-tiang jambatan yang retak di beberapa buah kawasan di Kampung Ayer dan membaiki kerosakan jeti telah juga telah dilaksanakan dengan menelan perbelanjaan sebanyak \$47,455.50

إِنْ شَاءَ اللهُ kerja-kerja menaiktaraf dan membaiki kerosakan-kerosakan kemudahan awam di Kampung Ayer akan diteruskan dalam Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu dengan menaiktaraf jambatan kayu kepada konkrit di beberapa buah kawasan Kampung Ayer. Begitu juga dengan kerja-kerja membaiki pulih 5 buah dewan-dewan kemasyarakatan yang lain.

Dalam menangani isu-isu gerai yang bertapak di tepi-tepi jalan, sebanyak 13 buah tapak tanah di seluruh negara telah pun disediakan melalui Majlis Perancangan Guna Tanah iaitu dengan kerjasama Kementerian Pembangunan.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , satu tapak di Kampung Tagap, Mukim Sengkurong telah diwartakan di bawah Jabatan Daerah Brunei dan Muara, manakala 12 tapak lagi sedang dalam proses pewartaan yang mana 7 tapak telah diberikan kebenaran (*early development*) oleh pihak Kementerian Pembangunan. Pengurusan gerai-gerai ini akan diserahkan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berkenaan.

Sesi Muzakarah secara berterusan bersama penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung selaku mata, telinga dan lidah kerajaan iaitu dengan melibatkan beberapa buah kementerian yang berkepentingan.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ , sebanyak 8 sesi muzakarah telah diadakan di peringkat Kementerian pada tahun 2023 sehingga Februari 2024. Manakala, di peringkat penghulu mukim dan ketua kampung dengan anak buah kampung adalah sebanyak 401 sesi di keseluruhan 4 buah daerah. Pada 5 Februari 2024, sesi muzakarah dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan bersama penghulu mukim dan ketua kampung telah diadakan untuk mengupas isu-isu atau permasalahan yang sering diadakan oleh anak-anak buah kampung.

Lawatan-lawatan ke kampung-kampung dan tapak projek juga dilaksanakan di keempat-empat buah daerah untuk meninjau secara lebih dekat lagi perkembangan kemajuan di daerah berkenaan, termasuk penyediaan infrastruktur seperti jalan raya, tamu-

tamu dan gerai-gerai, kemajuan perekonomian, pengusaha-pengusaha produk-produk tempatan khususnya peniaga produk Satu Kampung Satu Produk (1k1p) dan kemaslahatan serta keselamatan penduduk mukim dan kampung berkenaan.

Berdasarkan kepada buku Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam, peranan penghulu mukim dan ketua kampung adalah sebagai ketua dan pemimpin masyarakat akar umbi di peringkat kampung sebagai perantara dua hala di antara pihak kerajaan, masyarakat, kampung, contoh teladan (*role model*) kepada masyarakat kampung, peneraju pembaharuan dan pembangunan dan peneraju perpaduan, keharmonian, kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan serta penggerak kepada perkembangan sosioekonomi masyarakat di kampung.

Ini termasuklah lantikan mereka selaku Ahli-Ahli Yang Berhormat mewakili zon masing-masing adalah untuk membuat perundingan secara terbuka dengan pegawai-pegawai daerah serta menyampaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh anak-anak buah termasuklah perkara perekonomian di sesebuah mukim atau kampung.

Perkara ini adalah sebagaimana yang terkandung di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, syarat-syarat lantikan dan perkhidmatan ketua kampung, iaitu tugas dan tanggungjawab bilangan 3 (5) "Penghulu

mukim dan ketua kampung hendaklah mengadakan permuafakatan dengan Penasihat Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penghulu mukim dan penduduk kampung bagi mengusul dan melaksanakan perkara-perkara yang berkebajikan termasuk menyelesaikan sesuatu perkara sama ada secara persendirian atau untuk dihadapkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Ke arah ini, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melaksanakan petunjuk prestasi utama penghulu mukim dan ketua kampung, agar penghulu mukim dan ketua kampung dapat menerapkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang lebih terarah, teratur (*structured*) dan berunsurkan pencapaian (*element of achievement*) berdasarkan kepada *KPIs driven* yang merangkumi 5 matlamat utama, iaitu kepimpinan pengurusan, kemaslahatan anak buah mukim atau kampung, keselamatan, ketersediaan prasarana dan perekonomian di mukim atau kampung.

Pemberigian telah diadakan pada semua penghulu mukim dan ketua kampung pada 13 Februari 2024 di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu dalam usaha untuk memastikan setiap penghulu mukim dan ketua kampung mempunyai kefahaman yang sama terhadap ekspektasi pihak kerajaan mengenai tahap pencapaian perkhidmatan mereka dalam menjalankan tanggungjawab mereka

dan dalam menjaga kesejahteraan mukim atau kampung masing-masing.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sehingga bulan Februari 2024, sejumlah 13 dari 31 jawatan penghulu mukim di seluruh negara telah diisikan, manakala 74 daripada 190 jawatan ketua kampung telah diisikan.

Manakala, jawatan-jawatan selebihnya iaitu 134 jawatan telah diiklankan yang mana 25 jawatan masih dalam proses lantikan, 20 jawatan akan dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. 89 jawatan masih dalam proses pengiklanan yang mana Majlis-Majlis Pengundian Penghulu Mukim Ketua Kampung telah dijadualkan setiap minggu.

Dalam kesempatan ini, peramba / kaola/ saya sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penghulu mukim dan ketua kampung sama ada yang masih bertugas, memangku dan telah bersara atas khidmat bakti dan usaha tanpa mengira penat lelah, berkorban masa dan tenaga serta wang ringgit dan keselamatan diri sendiri bagi memastikan kemaslahatan, keselamatan, kesejahteraan penduduk mukim dan kampung yang bernaung di negara ini terpelihara. Pengorbanan dan komitmen abiskita semua adalah sangat-sangat dihargai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam memastikan pembangunan bandar dan daerah, aspek kebersihan juga ditekankan, iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan-jabatan daerah dan jabatan-jabatan bandaran secara aktif melaksanakan penguatkuasaan dan program pemberigaaan ke atas Akta Kesalahan Rampaian yang berkaitan dengan isu-isu pembuangan sampah oleh orang awam dan syarikat.

Pada tahun 2023, agensi-agensi penguatkuasaan yang telah melaksanakan sebanyak 1,140 rondaan dan hasil daripada rondaan tersebut 313 kesalahan adalah pembuangan sampah telah dilakukan oleh warga awam. Tahniah diucapkan kepada Daerah Belait kerana telah dianugerahkan sebagai *ASEAN Clean Tourist City* semasa Majlis Anugerah *ASEAN Tourism Standards* di Republik Demokratik Rakyat Lao pada 26 Januari 2024.

Untuk mendukung pembangunan dan menggiatkan aktiviti komuniti bandar dan daerah termasuk hala tuju projek 1K1P beberapa inisiatif telah diungkayahkan seperti berikut:

1. Memperkasa Program Keusahawanan di bawah Satu Kampung Satu Produk. Ke arah itu Memorandum Persefahaman dengan *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* telah ditandatangani pada 27 September 2023 bertujuan untuk

memperkuhkan Program Keusahawanan ini agar lebih mampan dan seterusnya menghasilkan produk yang berkualiti dan berimpak tinggi bagi menembusi pasaran yang lebih luas di peringkat serantau dan antarabangsa.

11 Pengusaha MPK dari keempat-empat daerah telah menghadiri sesi pengenalan dan pemilihan produk iaitu *Product Pitching* dan *Production Trial* bertempat di *Brunei Food Industry Development Ghanim International Cooperation Sdn Bhd* di *Processing Facility Salambigar Industrial Park*, Jalan Utama Tanah Jambu, Bandar Seri Begawan dan setakat ini hanya satu pengusaha sahaja yang tampil untuk mengembangluaskan produk dan perniagaan dan pada masa ini masih dalam proses uji cuba bagi penghasilan dan pembungkusan, iaitu *packaging*.

2. Projek Kedai Kampung, Jabatan Daerah Temburong sebagai sebuah Pusat Penjualan Produk-Produk 1K1P, produk-produk usahawan dan kampung lain di Pekan Bangar serta Program ke Temburong Bisai dengan penglibatan dari Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk mempromosikan produk masing-masing di samping menarik lebih ramai pengunjung dari luar daerah dan luar negara untuk

berkunjung dan berbelanja di Daerah Temburong.

3. Projek Tunas *Marketplace* dengan kerjasama Bank Islam Brunei Berhad yang telah dikembangluaskan dengan pembukaan ruang niaga Projek Tunas di bangunan jabatan-jabatan kerajaan, Daerah Temburong mulai pada 30 Januari 2024 sebagai lanjutan kepada pelaksanaan ruang niaga yang telah diperkenalkan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sejak tahun 2022. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, pada bulan Disember 2023 sebanyak 28 orang pengusaha 1K1P telah ikut serta dalam memeriahkan *Local Product Expo* semasa *December Festival* di bawah kendalian Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan baru-baru ini peniaga-peniaga di bawah Projek Tunas termasuk produk Satu Kampung Satu Produk dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah menyertai *MSME Festival* yang diadakan di Bridex Hall selama 3 hari bermula pada 29 Februari hingga 3 Mac 2024 yang bertujuan untuk mengetengahkan dan mempromosikan produk masing-masing yang secara tidak langsung akan memberi hala tuju yang lebih jelas kepada perkembangan produk-produk tersebut.
4. Di samping itu, Gerai Malam Permata Hijau juga telah diadakan sejak 28 September 2023 setiap minggu dari hari Khamis hingga Ahad yang

memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha di Daerah Temburong termasuk peniaga-peniaga Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang bertujuan bagi mempelbagaikan aktiviti perekonomian penduduk Daerah Temburong dan memeriahkan suasana Daerah Temburong di waktu malam serta menarik pelancong dari luar negara.

5. Mengadakan *Night Street Food* di Jalan Bendahara pada setiap malam hari Khamis sehingga Ahad sebagai inisiatif berterusan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dan sebagai kesinambungan kepada Program Bandarku Ceria bagi memeriahkan bandar di sebelah malam. Dalam pada itu juga inisiatif lain adalah mengadakan *Uptown Gadong* di Kawasan Pasar Gadong dan *Foodtruck* di kawasan Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkihah yang diadakan pada setiap malam. Inisiatif ini adalah bagi memberikan peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga Mikro, Kecil dan Sederhana khususnya bagi peniaga tempatan.
6. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** dengan adanya inisiatif-inisiatif seumpama ini sedikit sebanyak telah dapat membantu dan menyumbang ke arah mempertingkatkan jumlah jualan produk 1K1P dari ke empat-empat daerah dengan jualan pada Tahun 2023 adalah berjumlah \$917,956.24 dengan 160 orang pengusaha berbanding Tahun 2022 berjumlah

\$821,405.00 bagi 152 orang pengusaha.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama jabatan-jabatan di bawahnya bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkenaan dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung juga telah melaksanakan Program Memucang-Mucang Kitani bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai pemedulian dalam kalangan warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya terhadap kemaslahatan penduduk kampung terutama golongan berkeperluan dan kurang berkemampuan. Program ini juga dianjurkan bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan bandar dan daerah.

Selaras dengan aspirasi kementerian untuk menghasilkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan mendukung hasrat kerajaan sebagaimana yang termaktub dalam *Digital Economy Masterplan 2025* yang diterajui oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, kementerian secara berperingkat-peringkat telah melaksanakan projek-projek *IT* dan digitalisasi sebagai satu mekanisme dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kementerian dan jabatan-jabatan kepada orang ramai. Ini termasuklah:

1. Pelaksanaan modul-modul di bawah *Immigration and National Registration System (INRS)* yang

pada ketika ini 2 modul, iaitu *Border Management System* dan *Smart Identity Card* daripada 8 modul telah digunapakai, manakala 4 lagi modul, iaitu *Visa & Passes*, *Foreign Marriage*, *Citizenship* dan *Entry Permit* adalah dalam peringkat uji cuba yang mana disasarkan akan dilancarkan dalam masa terdekat dan 2 modul masih dalam peringkat pembangunan.;

2. Pelaksanaan *National Labour Management System (NLMS)* bermula 1 April 2023 bagi memudahcara penerimaan dan proses permohonan secara atas talian yang bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan Buruh terhadap orang ramai.;
3. Selain itu beberapa program digitalisasi juga dalam perancangan seperti *e-compound*, e-lawatan, Sistem Satu MOHA (*One MOHA System*), pemasangan *e-gate* dan pembayaran melalui atas talian adalah diharap akan dapat memberikan manfaat kepada pelbagai pihak dari segi memudahkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan termasuklah kepada orang ramai, sektor-sektor kerajaan, masyarakat penduduk kampung serta akan mewujudkan sistem-sistem bagi kesiapsiagaan semua pihak berkenaan sebelum berlakunya kejadian kecemasan dan dari segi pengurusan dan penggunaan *data analytics* dalam menjalankan operasi

harian yang lebih efisien melalui automasi sistem termasuk pemantauan dan penggubalan dasar;

4. Sementara itu, projek *e-gate* bagi pemasangan 8 buah *e-gate* di Lapangan Terbang Antarabangsa sebagai kesinambungan kepada projek *Border Control System* yang digunakan sejak bulan April 2022 dan Sistem *E-Arrival Card* yang mula digunakan pada 9 Februari 2023 dijangka akan meningkatkan efisiensi perkhidmatan dengan proses *clearance* yang *automated* dan cepat melalui penggunaan teknologi dengan penyediaan sistem perlepasan imigresen tambahan secara automasi yang akan dilaksanakan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara ke-12.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada orang ramai terutama dalam memberikan khidmatan yang lebih efektif, efisien dan selamat kepada orang ramai, kementerian ini melalui Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga telah memulakan perbincangan dengan Kementerian Pembangunan bagi Projek Penaiktarafan Pos-Pos Kawalan Imigresen Darat, iaitu Pos Kawalan Imigresen sementara Kuala Lurah, Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh, Pos Kawalan Imigresen sementara Labu dan Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12. Perbincangan

awal ini adalah bertujuan untuk menyediakan spesifikasi dan untuk memastikan projek yang akan dilaksanakan nanti dapat disiapkan dalam garis masa yang ditentukan.

Projek ini nanti akan merangkumi kerja-kerja memperbaharui bangunan yang sedia ada dan memperbaiki struktur bangunan yang rosak bagi tujuan untuk menyediakan persekitaran pos-pos kawalan yang lebih kondusif dan selesa kepada orang ramai dan pekerja-pekerja yang bertugas memberikan perkhidmatan di pos-pos kawalan berkenaan.

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan juga telah mengemas kini data ke atas penyata tunggakan cukai pintu sehingga 30 September 2023. Pengemaskinian data ini adalah disebabkan oleh penyelarasan menurut Akta Lembaga Bandaran Penggal 57 seperti Bab 13 iaitu Permohonan bagi pengecualian cukai, Bab 15 iaitu Permohonan bagi pengecualian cukai kerana pengosongan, Bab 22 iaitu Permohonan bantahan cukai daripada pemilik bangunan, Bab 24 iaitu Penyelarasan semula tafsiran cukai dan Bab 32 (7) iaitu Bangunan yang dirobohkan.

Dari tahun 2020 sehingga Januari 2024, sekurang-kurangnya 36,039 surat peringatan telah dikeluarkan dan 278 pemilik bangunan dibawa ke mahkamah. Dalam hubungan ini, sebanyak \$46,147,655.37 jumlah cukai bangunan telah berjaya dikutip dari Tahun Kewangan 2020/2021 sehingga 31 Januari 2024, termasuk kutipan cukai

semasa yang berjumlah lebih kurang \$11 juta setahun.

Kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berkepentingan seperti Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABC*), Jabatan Tanah, Mahkamah Syariah dan Pejabat Pewaris telah dapat membantu meningkatkan kutipan cukai bangunan yang tertunggak.

Di samping itu dalam masa sama menerusi inisiatif ini juga adalah menjadi syarat utama sama kepada penghutang diwajibkan untuk menjelaskan keseluruhan tuntutan semasa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sukacita dikongsikan status pencapaian Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan sejak ia diluluskan dalam tahun 2011 sehingga bulan Februari 2024, di mana hasil penelitian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan secara keseluruhan di dalam 5 kawasan tindakan yang telah dikenal pasti, sebanyak 14 projek telah dilaksanakan seperti di dalam perancangan, 16 projek telah dilaksanakan tidak selaras dengan perancangan, 43 projek yang dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan dan 2 projek dalam pelaksanaan pada masa ini.

Oleh itu, untuk mensejajarkan Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan,

Kementerian Hal Dalam Negeri dengan mengambil pendekatan senegara melalui *stakeholders engagement* telah menubuhkan jawatankuasa kerja di peringkat jabatan yang melibatkan jabatan-jabatan bandaran, jabatan-jabatan daerah di kesemua daerah dengan sumber (*resource person*) daripada jabatan-jabatan berkaitan seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, yang mana ia setakat ini bertujuan untuk penyelarasan hala tuju mengambil kira pelan-pelan daerah (*district plan*) di kawasan bandar dan daerah-daerah adalah di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan perancangan Jabatan Pengangkutan Darat bertujuan untuk memastikan pembangunan di kawasan bandar dan daerah-daerah adalah diambil kira dan lebih menarik jika diwarnai dengan keindahan bangunan, taman-taman yang dijaga baik, persekitaran yang bersih serta kemudahan asas yang cukup, yang mampu menjadikan Bandar Seri Begawan dan bandar lain secantik lukisan *moony*.

Dalam mendukung *Fiscal Consolidation Program (FCP)*, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, beberapa penyatuan perkhidmatan seperti penyediaan pegawai-pegawai keselamatan, pemotongan rumput dan pemotongan pokok di bawah kendalian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Penjara, kerja-kerja pembersihan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh dan

kerja-kerja pembersihan dan kerja-kerja pembaikan atau penaiktarafan bangunan-bangunan kementerian, jabatan-jabatan daerah dan gerai-gerai di keempat-empat daerah serta sistem Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang bertujuan bagi penggunaan sumber yang lebih efisien dan efektif.

Sebagai contoh, penyatuan Kontrak Pembersihan Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Pos Kawalan Labu, Pos Kawalan Sungai Tujuh termasuk kawasan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Ibu Pejabat Jabatan Buruh telah menjimatkan perbelanjaan kerajaan sejumlah \$178,840.00 bagi tempoh 3 tahun kontrak perjanjian.

Begitu jua dengan kontrak pembaikan bangunan jabatan-jabatan daerah iaitu Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Daerah Temburong dengan penjimatan sejumlah \$60 ribu dan Jabatan Daerah Belait dan Jabatan Daerah Tutong dengan penjimatan sejumlah \$33,008.00 berbanding jika kerja-kerja ini dibukakan secara berasingan oleh jabatan masing-masing.

Sementara itu, Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia (*HRCF*) pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan dibawahnya termasuk Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah pada peringkat akhir penyediaannya.

Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia ini nanti bukan saja dapat membantu mengurangkan jurang kompetensi di kalangan pegawai dan anggota kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya, ia juga diharapkan akan memudahkan kementerian dalam pelaksanaan rancangan penggantian (*succession planning*).

Dalam Tahun Kewangan 2023/2024, seramai 106 orang pegawai telah mengikuti kursus-kursus luar negara bagi kompetensi-kompetensi teknikal khusus bagi jabatan-jabatan di bawah kementerian seperti kompetensi berkaitan dengan penjara, perburuhan, kebombaian dan pengurusan bencana. Ini termasuk program-program kompetensi bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah dimulakan secara *inhouse* seperti Kursus Kepimpinan, Perkhidmatan Pelanggan, Adat Istiadat dan sebagainya.

ان شاء الله program-program lain mengikut kompetensi yang telah ditetapkan umpamanya Program Membina Kedayatahanan Diri dari kompetensi teras, Pemikiran Strategik dari kompetensi kepimpinan dan Ilmu Masyarakat dari kompetensi fungsi atau teknikal.

Selain daripada meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, kesejahteraan pegawai dan kakitangan juga telah diberi keutamaan, antaranya dengan memberikan perhatian kepada keadaan persekitaran pekerjaan seperti

pembaikpulihan bangunan dan pejabat, penggantian alat hawa dingin dan pembersihan dalam dan luar bangunan pejabat. Kementerian juga akan memulakan penyewaan sebanyak 12 buah kenderaan bagi kegunaan kementerian dan jabatan.

Sebagai kesimpulan, dengan izin *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berkat kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya akan sentiasa memastikan segala inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan agar sejajar dan menjurus kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035, di samping memastikan perbelanjaan peruntukan yang lebih berhemah dan *value for money* yang memberikan impak yang signifikan dan serta dari segi keselamatan dan kesejahteraan semua golongan masyarakat di negara ini serta pembangunan yang maju di bandar dan daerah dengan penglibatan di semua pihak yang berkepentingan melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation*.

Berasaskan kepada penjelasan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan keseluruhan berjumlah \$133,954,439.00 dimana Perbelanjaan Emolumen dan Perbelanjaan Berulang-ulang adalah berjumlah \$130,185,520.00 dan Perbelanjaan Kemajuan adalah

berjumlah \$3,768,919.00 untuk membiayai 9 projek-projek kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian ini telah menyusun belanjawan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan dibawahnya bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dan koala berdoa semoga segala perancangan dan usaha ini diterima dan dipermudahkan oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** sebagai kebajikan dan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi projek-projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, di mana sebilangan dari projek-projek ini telah mula pelaksanaannya sebagaimana yang koala bentangkan sebentar tadi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ projek-projek ini akan dipantau di peringkat kementerian dari masa ke semasa dan diusahakan pelaksanaannya mengikut garis masa yang telah dirancang sehingga selesai.

Sekian saja ucapan penerangan dari koala dan koala berharap akan mendengar pandangan-pandangan yang bernas, pemikiran yang strategik dari rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk membantu abiskaola dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di atas penerangan berkenaan iaitu dengan hal tuju dan keutamaan dalam penyediaan bajet Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Yang Berhormat Pengurus: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A kita bukakan untuk dibahaskan, saya ingin mencadangkan supaya kita berhenti berehat sebentar selama 15 minit dan kita akan kembali untuk merundingkan perkara yang berkenaan ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Sekarang mesyuarat jawatankuasa kita sambung semula dan saya suka untuk membuka tajuk yang berkenaan ini iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk dibahaskan.

Tapi sebelum itu, saya ingin meminta kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya dapat teguran-teguran ataupun saranan-saranan serta soalan-soalan sekiranya dapat dibuat secara spesifik dan menteri yang berkenaan akan dapat menjawab dengan lebih tepat dan secara seberapa boleh ucapan-ucapan tidak perlu dibuat lagi mengenai perkara yang berkenaan sebab kita sudah mendengar banyak ucapan dalam tiga ke empat hari ini.

Jadi ada baiknya kalau sekiranya kita tumpukan perhatian kita secara spesifik mengenai bajet yang dikemukakan oleh menteri-menteri yang berkenaan dalam hari-hari yang mendatang ini.

Jadi, nampaknya senarai yang terdapat pada saya agak panjang. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri harus bersedia untuk memberikan respons kepada perkara-perkara yang akan ditimbulkan.

Untuk memulakan perbincangan, saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola terlebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi yang telah memberikan peluang kepada kaola untuk membahaskan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin merakamkan terima kasih dan syabas atas mukadimah Yang Berhormat

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah membentangkan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi sesi 2024 secara komprehensif yang menjurus kepada hala tuju pelan-pelan tindakan dan inisiatif-inisiatif di samping memfokuskan pencapaian-pencapaian yang telah diusahakan.

Apa yang diharapkan inisiatif yang dirancangan mampu dilaksanakan dengan penuh komitmen mengikut jangka masa yang ditentukan dengan penuh kesempurnaan semata-mata bagi kesejahteraan, keselamatan, kebajikan, kemudahan dan keselesaan rakyat dan penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam. Pertama sekali kaola ingin membangkitkan yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan daerah.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Isu mengenai penghulu mukim dan ketua kampung sudah wujud sekian lama sejak turun temurun sebagai pemimpin masyarakat peringkat akar umbi, bukan saja perlu dipertahankan malahan dimartabatkan tentang keberkesannya supaya institusi ini masih kekal relevan, bukan sahaja pada masa ini dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* untuk generasi akan datang. Ia juga berfungsi sebagai perantaraan dua hala, sebagai mata, telinga dan lidah antara pihak kerajaan dan juga masyarakat setempat.

Yang penting juga seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

sebentar tadi, ialah untuk memupuk perpaduan, keharmonian, kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan serta menggerakkan kemajuan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat.

Di samping itu, ia juga berperanan untuk mengukuhkan, memantapkan, mempertahankan, mengekalkan sistem pemerintahan bernegara berlandaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Manakala penubuhan mukim perundingan, majlis-majlis perundingan mukim dan kampung, diharapkan dapat mengukuhkan keberkesanan fungsi institusi-institusi penghulu mukim dan ketua kampung di samping bersama-sama merancang dalam menggerakkan pelbagai aktiviti yang berbentuk kemasyarakatan, keugamaan, sosial, berkebajikan, kesukanan dan kesejahteraan bagi merapatkan masyarakat.

Ini termasuklah juga menggalakkan kegiatan perekonomian khususnya melalui 1 Kampung 1 Produk yang bermatlamat khusus menjana pendapatan meningkatkan sosioekonomi dan taraf hidup masyarakat dan penduduk di kampung berkenaan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ seperti yang mukadimah tadi, perkembangan daripada 1 Kampung 1 Produk ini adalah sangat

menggalakkan, berjaya mengeluarkan pelbagai bentuk produk makanan, minuman, kraftangan, pertanian dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun, kaola sendiri melihat cabaran-cabaran yang masih dihadapi oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha anak tempatan iaitu khusus di kampung-kampung ialah dalam aspek pemasaran, *packaging*, meningkatkan kualiti produk, inovasi dan kreativiti, meningkatkan produktiviti dan pengeluaran produk secara berskala besar.

Pada kesimpulannya, kaola berpendapat dengan mengeratkan dan mengukuhkan lagi perpaduan, bergotong-royong, permuafakatan, persefahaman, kerjasama dan bermuzakarah dalam masyarakat setempat dalam kalangan rakyat dan penduduk mukim dan kampung yang berlandaskan platform melalui institusi penghulu mukim dan ketua kampung, majlis perundingan mukim dan kampung dan 1 Kampung 1 Produk (1K1P) adalah diyakini mampu memacu kemajuan pembangunan sosioekonomi yang mampan dan dinamik dalam bersama-sama kita menyumbangkan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Ini adalah juga selari dengan pepatah orang Melayu yang kita warisi sebagai panduan dan pengajaran yang diserapkan dan seterusnya jadikan sebagai suntikan semangat dalam kalangan masyarakat kita iaitu "muafakat membawa berkat", "bersatu kita teguh,

bercerai kita roboh” dan “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”.

Sehubungan dengan perkara-perkara tersebut, sukacita mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu selain daripada pembaharuan dan pengemaskinian skim penghulu mukim dan ketua kampung pada tahun 2015 dan seterusnya 2018, apakah perancangan atau strategi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meningkatkan lagi pembangunan kapasiti termasuk *skill* kepimpinan dan kredibiliti untuk memartabatkan lagi kepimpinan penghulu mukim dan ketua kampung dan memperkesakan lagi peranan mereka dan seterusnya mengukuhkan lagi keyakinan masyarakat dan kerajaan.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, tadi juga kita mendengar bahawa satu KPI telah pun diperkenalkan bagi menilai prestasi penghulu mukim dan ketua kampung, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kedua, sejauh manakah tahap perkembangan dan pergerakan Keseluruhan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di negara ini telah mencapai sasaran dan tujuan seperti yang dimaksudkan.

Apakah inisiatif-inisiatif dan pelan tindakan jangka masa sederhana dan panjang bagi merealisasikan tujuan yang sebenarnya bagi penubuhan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung?

Kaola juga ingin pencerahan, apakah perancangan dan strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam

mengembang majukan dan memartabatkan 1K1P seperti yang saya nyatakan tadi, cabaran-cabaran dari aspek meningkatkan kualiti, *packaging*, inovasi, kreativiti, produktiviti dan pengeluaran produk berskala besar sehingga mampu bersaing serta menembusi pasaran luar negeri.

Berhubung dengan daerah-daerah kaola ingin juga mengemukakan di sini pertanyaan, adakah inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk penubuhan dan menggerakkan iaitu *cooperative society* di kampung-kampung dan mukim-mukim dalam usaha menggalakkan dan meramalkan lagi anak-anak buah kampung melibatkan diri dalam kegiatan perekonomian khususnya 1K1P yang juga mampu meningkatkan pendapatan serta menambah baik sosio ekonomi masyarakat ke arah yang lebih mapan.

Kaola seterusnya ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Bandaran. Seperti kita semua maklum kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan telah pun diluaskan daripada 12.587 kilometer persegi kepada 100.38 kilometer persegi dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2007.

Dengan perluasan itu diharapkan pengutipan cukai bangunan akan makin bertambah dan meningkat dari semasa ke semasa tetapi setelah kaola sendiri meneliti dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2024/2025 bagi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, direkodkan

pengutipan cukai diterima 2022/2023 berjumlah \$10,344,049.14 dan juga anggaran cukai yang diterima bagi Tahun Kewangan 2024/2025 adalah dijangkakan menurun kepada \$10 juta.

Apakah sebabnya kutipan cukai Lembaga Bandaran tidak menunjukkan peningkatan malahan menurun seperti yang dinyatakan dalam anggaran hasil?

Kaola juga ingin mengetahui berapakah jumlah tunggakan cukai bangunan pada masa kini di kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan?

Adakah penurunan drastik dapat dikutip terhadap cukai-cukai dan kaola juga sendiri maklum langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya Jabatan Lembaga Bandaran dengan kerjasama agensi-agensinya yang berkepentingan.

Sehubungan dengan ini juga seperti yang pernah kaola bangkitkan pada musim permesyuaratan dewan ini yang lalu berhubung dengan cukai bangunan.

Kemungkinan pemilik-pemilik bangunan tidak membayar cukai disebabkan tidak berpuas hati dengan kadar cukai yang dikenakan.

Perkara ini telah pun disedari lebih 12 tahun yang lalu di mana dua orang pakar telah dicadangkan dari Malaysia untuk membuat penyelidikan dan penelitian terhadap sistem cukai di kawasan Bandar Seri Begawan untuk di kemas kini agar lebih bersistematik,

relevan mengikut trend perkembangan semasa. Sistem cukai seperti ini boleh dijadikan perbandingan dengan melihat *best practices* yang diamalkan oleh negara-negara jiran seperti Malaysia, Thailand, Singapura dan negara lain.

Dalam hal ini juga kaola ingin mendapatkan pencerahan dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang perkembangan atau usaha untuk mereviu dan mengemaskinikan sistem cukai yang dikenakan di kawasan bandaran.

Seterusnya berhubung dengan undang-undang perbandaran yang dikawal. Apa yang kaola dapat lihat mungkin kaola salah iaitu Akta Lembaga Bandaran 1921 yang menyeluruh dan ada yang telah pun dipinda.

Saya merasakan sudah tiba masanya undang-undang dan peraturan itu direviu dan dikemas kini bagi mengikut perkembangan trend dan perubahan semasa dan akan datang. Ini juga *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* boleh memperkasakan dan memperkesakan lagi tadbir urus dan pengurusan yang lebih terarah sejajar dengan objektif dan rangka kerja inisiatif strategi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu antaranya:-

1. Mereviu atau menggubal dasar dan garis panduan yang komprehensif serta efektif.; dan
2. mendukung pembangunan bandar dan daerah yang lebih bersih, maju dan berdaya tahan agar kekal dan

relevan, mengambil kira perubahan persekitaran yang dinamik.

Seterusnya ialah berhubung dengan pelan perancangan strategik Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan yang kaola dapat lihat di sini di antara 2005 hingga 2025. Memantapkan imej Bandar Seri Begawan sehingga sebagai tempat selamat, mesra dan selesa. Menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan indah dengan ciri-ciri keunikan istimewa serta mempunyai kebudayaan, khazanah dan warisan sejarah yang tersendiri. Seterusnya menjadikan Bandar Seri Begawan sebuah bandar yang dinamik, *vibrant* dan unggul.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ jika dilihat pada masa ini di pusat Bandar Seri Begawan mempunyai mercu seni bina landskap yang telah dapat menaikkan dan memantapkan lagi keindahan landskap dan imej Bandar Seri Begawan yang berjaya menarik kedatangan bukan sahaja daripada kalangan warga tempatan malahan juga destinasi bagi pelancong-pelancong luar negeri misalnya seperti yang dapat kita lihat seperti Taman Mahkota Jubli Emas, Eko-Koridor dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Begitu juga program 'Bandarku Ceria' yang dapat menjana dan memberikan peluang kepada anak-anak tempatan untuk menjalankan ekonomi perniagaan dan إِنْ شَاءَ اللّٰهُ ia akan menjadi satu *exposer* untuk memupuk lebih ramai keusahawanan bagi anak-anak tempatan.

Walau bagaimanapun apakah strategi atau rancangan pihak kementerian untuk lebih memartabatkan Bandar Seri Begawan ke arah yang lebih *vibrant*?

Mengikut yang saya nyatakan tadi garis panduan serta *business friendly* dalam pelbagai projek pembangunan dan aktiviti perniagaan dan perekonomian supaya Bandar Seri Begawan setanding kemajuannya dengan bandar-bandar jiran, seperti bandar Miri dan Kota Kinabalu sehinggakan warga negara Brunei sendiri melancong dan bercuti di tempat-tempat berkenaan.

Persoalan yang saya timbulkan di sini bagaimanakah Bandar Seri Begawan melangkah ke hadapan untuk mencapai ketiga-tiga matlamat yang saya nyatakan tadi? Saya mengamati tidak ada sebarang peruntukan disediakan bagi perbelanjaan kemajuan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kaola ingin menyentuh yang berhubung kait dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh. Kaola pernah menimbulkan perkara yang berhubung kait dengan sungutan di kalangan peniaga-peniaga dan juga para profesional *executive* yang memohon untuk membaharui pas kerja dan juga di Jabatan Buruh, mereka terpaksa ditolak atau pun dipindahkan. Kaola juga sendiri mengambil maklum akan penjelasan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam perkara

ini iaitu pemohon hendaklah menghadapkan permohonan dan akan diteliti mengikut syarat-syarat yang ditentukan dan juga sokongan daripada agensi-agensi berkenaan.

Walau bagaimanapun kaola sukacita ingin mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang peranan atau usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya di Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam menyejajarkan dan menyelaraskan dasar bagi menarik dan mengalakkan *Foreign Direct Investment* dan tata cara polisi *Ease of Doing Business* di Negara Brunei Darussalam.

Apa yang kaola maksudkan di sini apakah tata cara atau pemudah cara yang berkesan yang efektif serta dalam *environment* yang lebih kondusif dan *friendly* di samping menyejajarkan dan menyelaraskan untuk menarik para pelabur dan sebagai insentif supaya lebih banyak lagi pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga sama ada untuk menjalankan perniagaan dan perusahaan di Brunei melalui kaedah *Foreign Direct Investment* atau polisi *Ease of Doing Business* di negara ini.

Adalah dimaklumi bahawa peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha di negeri ini juga akan membesarkan perniagaan mereka dan seterusnya juga kadang-kadang mereka ini akan mewariskan atau memberikan perniagaan mereka kepada anak-anak mereka. Tetapi apa yang saya fahami,

perkara ini adalah masih lagi samar-samar, ada yang masih ditolak permohonan mereka.

Seperti yang 'kitani' maklum, kebanyakan negara-negara luar khususnya di kalangan negara-negara ASEAN, seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Vietnam sedang berlumba-lumba untuk memudah cara dan menyediakan berbagai kaedah yang menjurus untuk menarik lebih banyak lagi *Foreign Direct Investment* berskala besar di kalangan pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga untuk melabur di negara mereka masing-masing.

Adalah dimaklumi bahawa ini adalah salah satu daripada cara untuk 'kitani' menaikkan lagi aktiviti-aktiviti perekonomian malahan ia dapat memacu lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Perkara yang ingin juga kaola sentuh di sini ialah mungkin sudah perkara ini dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang sistem-sistem permohonan yang dihadapkan ke Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Apa yang kaola fahamkan, masih lagi dalam tahap yang kurang memuaskan di kalangan peniaga-peniaga dan pemohon khususnya sistem *National Labour Management System* (NLMS) pada masa ini. Kaola ingin mendapatkan penjelasan, adakah inisiatif-inisiatif atau rancangan bagi menambah baik dalam tatacara proses yang telah disediakan

supaya ia menjadi efisien dan efektif di bawah pengurusan Jabatan Buruh.

Kaola juga mengambil maklum bahawa ada sudah rancangan untuk menggabungkan atau *consolidate* menjadi satu sistem yang ada pada masa ini ada 2 modal di antara cara pemprosesan di Jabatan Buruh dan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Mudah-mudahan *إن شاء الله* perkara sedemikian ini akan terus dipantau sehingga ia menjadi satu kenyataan kerana ia bukan sahaja untuk memperkesakan dan *cost effective* dalam menjimatkan penggunaan tenaga kerja malahan juga akan menyegerakan *hopefully* proses-proses yang dihadapi oleh pemohon-pemohon dan peniaga-peniaga berkenaan.

Seterusnya kaola ingin penjelasan di sini yang berhubung kait dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan. *NDMC* adalah *lead agency* dalam hal ehwal berkaitan pengurusan bencana seperti yang dimandatkan di dalam perintah pengurusan bencana 2006, antara lainnya berfungsi sebagai Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan yang melihat kepada pengurusan risiko bencana, peningkatan keupayaan operasi bencana serta meningkatkan rangkaian koordinasi bersama agensi-agensi berkenaan.

Dalam hal ini, khususnya yang ada berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri adakah penganalisan atau kajian strategik mengenai penyelerasan dalam menyusun memperkemaskan dan memperkesakan peranan dan bidang tugas antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dengan agensi-agensi berkaitan khususnya Jabatan Bomba dan Penyelamat diaspek *cost effectiveness optimization* sumber tenaga manusia, penggunaan aset atau *equipment* dan memperkesakan perkhidmatan.

Akhir sekali kaola ingin menyentuh kalau diizinkan Yang Berhormat Pehin yang berhubung kait dengan Jabatan Penjara. Jabatan Penjara memainkan peranan utama memastikan mana-mana banduan diberikan hukuman dan juga program-program pemulihan yang bersifat kemanusiaan dan mengikut undang-undang sedia ada dan mengurangkan jumlah orang yang keluar masuk semula.

Adalah dimaklumi pelbagai program telah dijalankan di dalam institusi penjara termasuk program kemahiran, vokasional, pertukangan tangan, pertanian dan seumpamanya. Produk-produk dihasilkan daripada *brand* Insaf juga *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* telah berjaya dipasarkan memberikan peluang kepada banduan dan menjimatkan diri dalam perniagaan.

Kaola juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana menyusun begitu rapi tentang program-program pemulihan dan juga memberi latihan-latihan khusus bagi memastikan mereka banduan-banduan jika keluar daripada

penjara **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan mendapat pekerjaan yang tertentu dari hasil kerjasama oleh agensi-agensi berkenaan untuk memberikan peluang kepada mereka ini.

Walau bagaimanapun, kaola di sini berpandangan salah satu aspek yang perlu kita titik beratkan secara serius ialah program atau intervensi penerapan nilai-nilai keagamaan dan keharmonian-keharmonian dalam usaha memulihkan banduan bertujuan untuk memperbaiki akhlak dan keselamatan mereka serta **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** membentuk insan yang beriman, bertakwa, berdisiplin, taat kepada undang-undang dan mengukuhkan lagi jati diri mereka agar menghindarkan daripada mengulangi aktiviti-aktiviti menyalah gunakan menyalahi dari segi undang-undang dan ugama.

Perancangan program-program pemulihan efektif lagi komprehensif **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** boleh mengubah banduan-banduan tidak lagi menjadi *liberty* malahan akan menjadi aset kepada negara. Dalam hal ini sukacita juga kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Apakah tren jumlah kemasukan semula banduan ke dalam penjara dan apakah majoritinya, berbentuk kesalahan yang dimaksudkan. Bagaimanakah dengan golongan belia khususnya yang berumur 30 tahun ke bawah? Adakah ia makin meningkat dari masa ke semasa ataupun menurun?

Di samping itu daripada pendapatan ini haruslah juga dibuatkan analisa dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain supaya akan dapat kitani bersatu padu untuk mengenal pasti bagaimanakah cara-cara mengurangkan penjenayah-penjenayah khususnya di kalangan belia supaya ianya akan kitani bendung dan menjadikan belia-belia ini lebih berguna untuk menjadi aset kitani.

Keduanya adakah Jabatan Penjara ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat kajian secara terperinci dan mempunyai perancangan atau *framework* pemulihan yang lebih berkesan sebagai langkah pemulihan kepada banduan-banduan termasuk juga selepas bebas mengikut piawaian dan amalan yang terbaik antarabangsa.

Akhir sekali, adalah sebagai pemikiran. Adakah inisiatif untuk memulangkan ke negara asal bagi warga negara asing yang dijatuhkan hukuman penjara bagi kategori-kategori *minor offenses* ertinya misalnya kesalahan-kesalahan imigrasi tinggal lebih tempoh yang ditetapkan atau penyalah gunakan pass imigrasi dengan mengambil kira ianya tidak bertentangan dengan undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini.

Ini adalah salah satu daripada tata cara kita untuk bukan sahaja mengurangkan dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan tetapi juga kita mengelakkan *over crowded* di institusi-institusi penjara.

Kalau sekiranya ia semakin bertambah seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, terpaksa 'kitani' membuat dari masa ke masa institusi-institusi penjara, sampai bila kita membina lebih banyak penjara sedangkan 'kitani' juga perlulah 'kitani' fokus kepada projek-pojeq yang boleh menjana ekonomi dan memberikan keutamaan supaya ia akan dapat mendatangkan faedah dan manfaat kepada masyarakat di negara ini.

Pada kesimpulannya, kaola menyokong sepenuhnya peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof di atas saranan-saranan dan soalan-soalan.

Yang Berhormat Pengerusi, sebahagian daripada persoalan ini telah kaola bentangkan tadi dalam mukadimah, sebagai contoh pertama berkenaan dengan aspek *packaging*. Aspek *packaging* ini memang 'kitani' maklum 1K1P memang masalah dari segi....

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri sudah dijawab tidak perlu lagi dijawab. Barangkali diteruskan dengan soalan-soalan yang belum dijawab.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Jadi kaola akan menerangkan secara ringkas Yang Berhormat Pengerusi untuk memastikan apa yang diajukan dapat pencerahan-pencerahan Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai contoh *packaging* ini yang 'kitani' maklum 1K1P, masalah dari segi *mass production*.

Penandatanganan dengan *Ghanim International Sdn. Bhd.* ini telah dibuat. Ini adalah hasrat untuk mereka mengembangmajukan, kalau mereka *produce* masa ini 10, *they can produce* kalau dengan *Ghanim International Sdn. Bhd.* 100. *Packaging* dan *marketing* akan dibuat oleh syarikat berkenaan. Sebagaimana yang kaola maklumkan tadi, hanya satu syarikat sahaja yang mahu berganding bahu dengan *Ghanim International Sdn. Bhd.* ini untuk mengembangmajukan produk mereka.

Jadi kaola sarankan juga di peringkat penghulu mukim dan ketua kampung dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk tampil menerangkan kepada anak buah kampung atau pengusaha-pengusaha ini untuk mengembangluaskan produk masing-masing.

Di peringkat kementerian, usaha-usaha untuk membantu mereka ini berjual memang sudah ada Yang Berhormat Pehin sebagai contoh di bangunan kementerian memang sudah disediakan tempat untuk mereka mempromosikan barang-barang mereka dan juga di bangunan seketeriat melalui kerjasama bersama Jabatan Perdana Menteri untuk *menshowcase* produk mereka dan juga *expo-expo* yang dikendalikan oleh *MPRT* dan juga masa ini *MSME*.

Jadi dari segi *sales*, kaola sudah menerangkan dari segi naiknya *and then* dari segi orang yang berkecimpung dalam 1K1P pun sudah meningkat. Jadi itu sahaja yang dapat kaola sampaikan.

Percerahan mengenai dengan pengemaskinian Skim Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah dari segi kapasiti pun kaola maklumkan tadi dari segi *Human Resource Competency Framework (HRCF)* ini bukan sahaja untuk pegawai dan kakitangan kementerian malah melibatkan pemimpin akar umbi termasuk dari segi kepimpinan mereka.

KPI yang dilaksanakan yang *diintroduce* ini ada 5 teras untuk penghulu mukim dan ketua kampung. Ini telah pun diberigakan kepada mereka. Jadi ia adalah untuk memastikan hala tuju penghulu mukim dan ketua kampung ini terarah, itulah inisiatif-inisiatif daripada kementerian.

إِنْ شَاءَ اللهُ saranan-saranan daripada Yang Berhormat Pehin, penghulu mukim dan ketua kampung akan diambil dari masa ke masa. KPI ini bukannya *fixed*, ia *living document* untuk dimajukan dari masa ke masa.

Merealisasikan pertumbuhan MPK, perancangan memajukan 1K1P itu sudah kaola terangkan. Perkara ini pernah kaola terangkan semasa muzakarah bersama penghulu mukim dan ketua kampung Yang Berhormat Pehin, dari segi cara untuk memastikan anak buah kampung ini berkecimpung dalam bidang perniagaan di kampung-kampung, kementerian memang mengambil baik usaha untuk *incorporate* anak-anak buah kampung ini bagi memastikan mereka boleh membuat perniagaannya di kampung-kampung itu. Jadi ini pun sudah dibincangkan dalam muzakarah-muzakarah yang diadakan dengan penghulu mukim dan ketua kampung.

Dari segi pengutipan cukai bertambah. Sebagaimana Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof, maklum juga dari segi pembesaran Bandar Seri Begawan ini memang besar.

Kalau 'kitani' lihat, Akta Bandaran ini sebagaimana yang kaola maklumkan juga tadi, pengemaskinian cukai bandaran ini.

Sebagai contoh, pengemaskinian ini berdasarkan kepada akta. Kalau bangunan itu dirobuhkan, masih juga dikutip tetapi penurunan itu disebabkan oleh pengemaskinian yang dilaksanakan ini. Mungkin kaola berkecimpung jika mengambil kira perbincangan bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof berkenaan dengan Jabatan Bandaran Yang Berhormat Pengerusi untuk menerangkan satu persatu juga dari segi berapa jumlah akaun yang ada aktif masa ini, berapa yang tidak aktif dan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti *ABCi*, sebelum juga *clearance letter* itu dikeluarkan oleh Jabatan Bandaran.

Jadi sebahagian daripada, kalau 'kitani' lihat juga, memang benar Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof maklumkan bisnes macam kawasan di Kiulap itu memang maju tetapi ada juga pintu-pintunya masih ada juga yang kosong.

Ada juga dinyatakan tadi, perkiraan. Perkiraan cukai pintu ini memang *very subjective*, *yes 7%* daripada 7 atau 8 perkhidmatan yang diberikan. Ini pun masih dalam penelitian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dari segi kosnya kepada kerajaan.

Sebagaimana Yang Berhormat maklum juga kos kepada kerajaan dengan cukai yang dikutip itu rendah daripada kos yang diberikan oleh kerajaan sebagai contoh, perkhidmatan sampah yang diberikan kepada penyewa-penyewa pintu itu Yang Berhormat Pehin. Pasal bandar ini juga nanti kaola terangkan berapa cukai yang akan dikutip.

Perkembangan untuk *review* sistem cukai yang dikenakan di kawasan bandaran. Itu memang sudah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada masa ini dalam pelaksanaan Kementerian dan Jabatan Bandaran untuk *review* sistem cukai pada masa ini. Mungkin ada kerjasama dengan Kementerian lain untuk memastikan *Whole of Government approach* ini dilaksanakan.

Akta bandaran, memang pada masa ini Yang Berhormat dalam *review* atau *study* sudah di peringkat Kementerian. Ada sebahagian akta itu *absolute* dan ada masih yang tidak *relevant* untuk dilaksanakan. Untuk menjadikan Bandar Seri Begawan *to vibrant*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pun maklum bahawa projek pembesaran *BSB Master Plan* sebagai contoh yang di kawasan Tambing di Sungai Brunei sudah siap dilaksanakan.

Tetapi di kawasan Bandari Seri Begawan itu kalau 'kitani' lihat, kebanyakan tanah-tanah dimiliki oleh *private sector* Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jadi *development is pretty much development* daripada *private sector*.

Kalau 'kitani' lihat juga *BSB Master Plan* merangkumi Kampung Kiulap and Kampung Kiarong *areas*. Kampung Kiulap and Kampung Kiarong *areas* itu juga dipelopori oleh tanah-tanah persendirian yang pada masa ini kalau 'kitani' lihat perkembangannya dari segi *business developmentnya* memang dilaksanakan oleh *business sector* itu Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

Berkenaan dengan Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk menarik *FDI* ini. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, kalau *FDI* memang ada *FDI* dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Tapi untuk mensejajarkan polisi untuk memastikan *FDI*, memang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bekerjasama dengan *FDI, they called FDI working group*. Di sana untuk memastikan *whoever they invest* tinggal di Brunei, memang ada pas-pas imigresen yang boleh dikeluarkan mengikut jangkamasa yang ditentukan.

Sebagai contoh tadi, ada juga soalan melibatkan kewahaman orang atau *investor* di Brunei, belum lagi berapa *clear* berkenaan dengan sama ada mereka boleh tinggal di Brunei lama sepertimana yang kaola maklumkan tadi dalam mukadimah, yang mana Jabatan Buruh memang boleh menyambung Pas Lesen Pekerja Asing mereka ini *provided* mereka ini memenuhi syarat. Sebagai contoh (*Filing of Tax*) beberapa orang

anak tempatan digaji dan ianya memberi *value add* kepada negara.

Ada sebilangan kenapa ia tidak dibenarkan, setelah disiasat, tidak berapa memuaskan jawapan-jawapan mereka untuk mereka ini disambung. Kaola mengambil maklum bahawa sebahagian daripada peniaga-peniaga, pemilik syarikat ini akan menyerahkan kepada anaknya, dan ini adalah dibolehkan, selagi namanya itu dimasukkan ke dalam *ROCBN*, dalam pendaftaran syarikat-syarikat.

Pihak-pihak kementerian melalui Jabatan Buruh memang sahaja mengguna pakai *evidence* itu sebagai untuk menyambung pas-pas mereka. Jika umur 65-68, mereka masih berada di Brunei dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan tadi itu, memang ia boleh disambung sebagai untuk mereka tinggal lebih lama di Brunei ini.

Kaola maklum juga, mereka memang sudah lama tinggal di Brunei, mereka menjadikan Brunei *ini as part of their second home*, Yang Berhormat.

Dari segi sistem, NLMS ini memang di bawah bidangkuasa INRS (*Immigration National Registration System*). Pada masa ini, sebahagian daripada *National Labor Management System* (NLMS) ini sebelumnya *multiple submission* tidak ada dalam aplikasi berkenaan, tetapi pada masa ini, setiap agensi pekerjaan memang boleh sahaja *upload multiple application* mereka.

Dari segi tempoh masa, memang 'kitani' sedia maklum bahawa untuk memastikan orang yang bekerja di Brunei ini adalah bersih dari segi jenayah untuk menjaga keselamatan negara dan itu yang akan dilaksanakan bagi orang yang dibenarkan dalam lesen pekerja asing memang ianya adalah bersih daripada kegiatan-kegiatan yang tidak diingini untuk mereka masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Dari segi NDMC, aset, dari segi akta *National Disaster Management Centre*, ia ada aktanya sendiri untuk memastikan kesiapsiagaan dari segi untuk mengawal bencana. Dari segi penyelarasan penyusunan bidang tugas, memang 'kitani' maklum juga bangunan NDMC ini bersebelahan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Dari segi *Manpower*, berbelas orang pegawai bomba telah diserapkan ke NDMC ini dan juga aset-asetnya memang digunapakai dan digunayasa.

Sebagai contoh sebelum ini, *for almost 10 over years* isu banjir ini, kekerapan NDMC ke *site* banjir itu memang kerap, 'kalau' bulan 12 musim tengkujuh memang ke sana 'berkampung' Yang Berhormat Pehin. Ia melibatkan jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan yang lain sebagai contoh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei dan lain-lain dan dari segi paramedik juga terlibat dalam kita menangani satu-satu situasi ini.

Jadi, sebagaimana yang kaola bentangkan tadi, salah satu eksekutif yang dikendalikan oleh NDMC adalah *Cross-Border Exercise* dengan NADMA Malaysia. Itu adalah untuk 'kitani' menilai kemampuan 'kitani' dari segi integrasi dengan jabatan-jabatan di Negara Brunei Darussalam dengan Negara Malaysia. *اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى* *exercise* itu *very successful*.

Dan juga Yang Berhormat Pehin, pegawai-pegawai 'kitani' memang *everytime* ada bencana di luar negara *especially* di ASEAN memang dipanggil dibawah *AHA Centre (ASEAN Humanitarian Assistance Centre)* dimana ia bertindak sebagai *Logistical Officer*.

Sebagai contoh di Myanmar *Typhoon*, memang dihantar ke sana untuk mereka menggalas ilmu, 'ganya' yang kaola maksudkan tadi itu untuk 'kitani' kan *into international 'punya' standard*, memang ada sukat-sukatnya. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dalam perancangan kementerian sudah melalui *NDMC* untuk memastikan pegawai-pegawai daripada *NDMC* ini memang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk boleh dikerahkan apa-apa saja bantuan bencana di luar negara. Itu memerlukan masa dan juga ada audit aset-aset yang perlu diaudit di peringkat antarabangsa, Yang Berhormat Pehin.

Dari segi penjara, memang aspek agama dititikberatkan Yang Berhormat. Kaola memaklumkan dalam mukadimah tadi sebagai contoh daripada Pusat Dakwah Islamiah memang mereka ini dalam menjalani pemenjaraan, memang ada kegiatan-kegiatan agama sebagai contoh

sembahyang berjemaah, mengaji Al-Quran dan juga sebagai rekod di sini, ada banduan-banduan ini yang boleh menghafal sampai 30 juzuk Al-Quran, ada yang 10 juzuk Al-Quran dan ada 5 juzuk Al-Quran. Jadi penerapan ugama itu memang diterapkan.

Jadi, berkenaan dengan pemindahan banduan ini, memang boleh dipindahkan dengan syarat ianya ada perjanjian dengan negara berkenaan. Sebagai contoh, 'kitani' telah menandatangani dengan kerajaan Malaysia dibawah *International Transfer of Prisoners* yang membolehkan rakyat di negara berkenaan yang menjalani penjara di sini mengikut syarat-syarat yang dibenarkan untuk dipindahkan, memang boleh dipindahkan.

Jadi, memang pada masa ini, dalam perancangan kementerian dan Jabatan Penjara untuk mengembangluaskan lagi mengikut kewarganegaraan yang ada di Jabatan Penjara berkenaan. Jadi ان شاء الله ianya akan dilaratkan juga.

Berkenaan dengan *overcrowding*, pemindahan Fasa 4 dan Fasa 5 bukan isunya *overcrowding*. Ini adalah untuk memastikan satu institusi penjara itu di *centralized*. Pada masa ini ada 2 buah penjara iaitu di Jerudong dan juga di Maraburong dan ان شاء الله jika sudah siap Fasa 4 dan 5 itu, yang mana institusi penjara ini akan disatukan dan juga projek pembinaan Fasa 4 juga melibatkan pembesaran dapur di Maraburong bagi membolehkan mereka ini menjalani program vokasional

atau teknikal untuk *bakery* yang nanti boleh dijadikan sebagai *business* di penjara itu dan Yang Berhormat Pehin juga maklum tadi mengenai projek insaf. Projek Insaf pada masa ini memang dikembangluaskan, dalam Fasa 4 itu, *workshop* memang akan dibesarkan untuk memastikan mereka boleh membuat projek-projek ini ataupun barang-barang yang boleh digunapakai oleh orang 'kitani' dan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ ekspo-ekspo yang mereka ikuti kebanyakannya, 'kalau kitani datang lambat di sana', *almost fully booked* 'inda' lagi dapat dibeli hanya menempah sahaja dengan Jabatan Penjara.

Kajian *framework* pemulihan yang berkesan, memang ini adalah sebagai salah satu yang kaola *mention* tadi *Human Resource Competency Framework* ini, dari segi kaunseling mereka, dari segi pegawai penjara itu, warder yang bekerja di sana itu memang dibuat *competency framework*.

Yang kedua, pemulihan mereka dan ada juga kaola maklum tadi mengenai Rakan Selia. Rakan Seliaan ini melibatkan agensi-agensi yang berkepentingan dan juga agensi swasta.

Jadi, yang kaola maklum tadi dalam mukadimah kaola adalah *community outreach* ini sudah dilaksanakan dengan pemimpin akar umbi dan juga melibatkan keluarga-keluarga banduan yang akan dibebaskan daripada tahanan untuk memastikan mereka ini diterima oleh keluarga.

Di sini, institusi kekeluargaan adalah sangat penting dalam memastikan penerimaan kepada bekas-bekas banduan ini dapat diterima secara *open-hearted*.

Jadi yang kaola yang masih belum menerangkan ialah dari segi jumlah cukai. 'Karang' kaola menyambung Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya rasa ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukuplah dahulu kita bersidang pada pagi ini.

Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada petang ini nanti mulai daripada pukul 3.15 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ .

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)